



فلیتا برونی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.38

SUBUH 4.48 SYURUK 6.10 DUHA 6.33

ZUHUR 12.07 ASAR 3.29 MAGHRIB 6.02

ISYAK 7.16

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 67 BILANGAN 140

21 NOVEMBER 2022 / 1444 هـ 26

JABATAN PENERANGAN

EDISI ISNIN / PERCUMA

'Ya Allah, Ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengkufuri nikmat-Mu dengan kelakuan-kelakuan kami yang Engkau tidak redai, maka Engkau ampunkanlah kami dan kasihanilah kami dengan menarik balik wabak koronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin. WahsabunAllahu Wani'malwakeel, Walahaula Walaa Qowwata Illa Billahil 'Aliyyil 'Azeem. Walhamdu Lillahi Rabbil 'Alameen.

- Tital Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Selasa, 9 Muharam 1443 Hijrah bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi di Istana Nurul Iman.

Tanai amanah yang diberikan

Oleh : Nooratini Haji Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 19 November. - Pandemik COVID-19 yang melanda Negara Brunei Darussalam dan komuniti global memberikan impak yang cukup besar pada setiap sektor di negara ini, termasuklah kepada kita semua selaku warga Perkhidmatan Awam.

Cabarang yang kita hadapi ini mendesak kita untuk melaksanakan penambahbaikan serta pembaharuan dengan cepat kepada memastikan kelangsungan pemberian perkhidmatan yang cemerlang kepada orang ramai.

Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Ajman bin Haji Meludin, selaku Pengurus Jawatankuasa Eksekutif Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-29, Tahun 2022 berkata demikian dalam kata alu-aluannya semasa Majlis Penghargaan dan Penyampaian Anugerah-anugerah sempena Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-29, Tahun 2022, berlangsung di Dewan Bankuet, JPM, di sini.

Dalam hal ini, beliau merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas pengorbanan serta khidmat bakti penjawat-penjawat awam yang menunjukkan ketelusan, ketabahan dan komitmen yang tinggi serta berusaha untuk sentiasa menanai amanah yang diberikan.

>> Muka 7

SERU APEC TERUSKAN SEMANGAT MULTILATERALISME



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Sesi Retreat II (Kedua) Mesyuarat Ketua-ketua Ekonomi APEC 2022, yang berlangsung di Queen Sirikit National Convention Center (QSNCC), Bangkok, Thailand.

- Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

■ Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

BANGKOK, THAILAND, Sabtu, 19 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berkenan berangkat untuk menghadiri Sesi Retreat II (Kedua) Mesyuarat Ketua-ketua Ekonomi APEC 2022 yang berlangsung di Queen Sirikit National Convention Center (QSNCC), Bangkok, Thailand.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli

Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bersama dengan Ketua-ketua Ekonomi seterusnya menghadiri Sesi Retreat II (Kedua) yang membawa tema 'Sustainable Trade and Investment'. Sesi dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Thailand.

>> Muka 2

Berangkat tinggalkan Bangkok, Thailand

BANGKOK, Sabtu, 19 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara

Brunei Darussalam, hari ini berkenan berangkat meninggalkan Bangkok, Thailand selepas menghadiri Mesyuarat Ketua-ketua Ekonomi APEC 2022 (AELM).

>> Muka 3

Memperingati Jubli Perak Masjid Serdang

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

KOTA BATU, Ahad, 20 November. - Masjid Serdang kini mencapai usia ke 25 tahun sejak ia mula beroperasi dan digunakan pada tahun 1997.

Dalam tempoh berkenaan, pelbagai kemajuan telah dapat dicapai oleh Masjid Serdang, khususnya dalam pelaksanaan

pelbagai aktiviti takmir masjid.

Sehubungan itu, Ahli Jawatankuasa (AJK) Takmir Masjid Serdang menganjurkan Majlis Sambutan Memperingati Jubli Perak Masjid Serdang, dan diselanjurkan dengan perasmian logo rasmi Masjid Serdang serta penyampaian cenderamata kenangan kepada para Pegawai Masjid yang pernah berkhidmat di masjid berkenaan.

>> Muka 5

MANISNYA IMAN مانیسٹ ایمان

DARIPADA Abu Sa'id bin Sinan Al-Khudri Radiallahhu Anhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, maksudnya : "Tidak melakukan perbuatan yang memudaratkan diri sendiri dan orang lain". (Hadis Riwayat Imam Ibnu Majah).

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN
f Pelita Brunei @pelitabrunei pelitabrunei

Berita Utama



SAMBUTAN Hari GIS Sedunia sediakan pelbagai aktiviti menarik

Muka 8



509 belia sertai PKBN Pengambilan Ke-11

Muka 18



RENCANA

PROGRAM Penggredan Prestasi Sektor Awam (3PSA) melalui penarafan bintang

Muka 20

STATUS COVID-19 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Maklumat setakat 20 NOVEMBER 2022

78.8%

3 dos vaksin COVID-19 penduduk umum

62.0%

3 dos vaksin COVID-19 remaja berumur 12-17 tahun

86.6%

2 dos vaksin COVID-19 kanak-kanak berumur 5-11 tahun

645

Jumlah kes sembah 24 jam lalu

247,230

Jumlah kes yang sembah

Ministry of Health, Brunei Darussalam mohbrunei www.moh.gov.bn

Seru APEC teruskan semangat multilateralisme



Siaran Akbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Hernie Suliana Haji Othman,
Muhammad Asri Haji Awang Abas

>> Muka 1

Semasa Retreat II (Sesi 2), Kebawah DYMM dan para Pemimpin APEC yang lain membincangkan kerjasama dan bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu serantau dan antarabangsa yang menjadi kepentingan bersama dan juga mendengarkan penerangan daripada Pengarah Urusan International Monetary Fund mengenai Global Economic Outlook.

Baginda bertitah mengambil maklum mengenai hasil positif dari Persidangan Menteri-menteri Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) Ke-12 yang mencerminkan komitmen negara-negara ahli dalam memastikan perdagangan global kekal tanpa sebarang kekangan.

Baginda juga menyeru agar APEC meneruskan semangat multilateralisme dan melibatkan semua pihak berkepentingan untuk memastikan peranannya sebagai inkubator akan terus menyumbang kepada usaha-usaha WTO.

Baginda kemudiannya menekankan kepentingan dalam mempercepatkan pemulihan ekonomi; mengukuhkan perdagangan dan pelaburan dengan menggunakan pendekatan holistik dan berpadu dalam era pasca-pandemik, khususnya kepada Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS).

Seterusnya baginda menekankan kepentingan dalam membantu PMKS supaya bersedia menghadapi masa hadapan dengan meluaskan asas pengetahuan agar lebih berdaya

tahan dengan keadaan semasa; membentuk dasar persekitaran yang relevan dan boleh diramal untuk menarik para pelabur dan usahawan; dalam mengintegrasikan PMKS ke dalam rantaian serantau dan bekalan; dan dalam melengkapkan PMKS dengan kemahiran digital.

Dalam mengakhiri titah, Kebawah DYMM memberikan sokongan kepada Amerika Syarikat yang akan menjadi Pengerusi APEC bagi Tahun 2023, yang akan membawa tema 'Creating a Resilient and Sustainable Future for All'.

Semasa APEC Economic Leaders' Meeting pada kali ini, Ketua-ketua Ekonomi APEC telah mengeluarkan dua dokumen, iaitu (1) Deklarasi Pemimpin Ekonomi APEC yang mengetengahkan kerja-kerja APEC sepanjang tahun 2022 semasa Thailand menjadi Pengerusi APEC, yang merangkumi usaha memajukan

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Prayut Chan-O-Cha berkenan berangkat menghadiri Sesi Retreat II (Kedua) Mesyuarat Ketua-ketua Ekonomi APEC 2022, yang berlangsung di Queen Sirikit National Convention Center, Bangkok, Thailand (kiri dan atas).

APEC ialah salah satu platform yang penting dalam menggalakkan dialog, pertukaran pandangan dan amalan terbaik mengenai inisiatif dan dasar yang menyumbang kepada iklim ekonomi yang lebih kondusif. Sebagai inkubator idea, APEC juga membina kerjasama ekonomi dan teknikal serta program pembangunan kapasiti dalam pelbagai bidang. Keahlian Brunei Darussalam dalam APEC telah membolehkan penyertaan dalam dialog dasar dan penglibatan pembangunan kapasiti tersebut yang boleh menyumbang ke arah mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035.

| WAKTU SEMBAHYANG | | | | | | | | | | | |
|------------------|-----------------------------------|-------------|--------|-------|-------|--------|-------|-------|------|---------|-------|
| NOVEMBER | MASIH | RABIULAKHIR | HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
| 21 | ISNIN | 26 | 4.38 | 4.48 | 6.10 | 6.33 | 12.07 | 3.29 | 6.02 | 7.16 | |
| 22 | SELASA | 27 | 4.38 | 4.48 | 6.10 | 6.34 | 12.07 | 3.29 | 6.03 | 7.16 | |
| 23 | RABU | 28 | 4.38 | 4.48 | 6.10 | 6.34 | 12.08 | 3.29 | 6.03 | 7.16 | |
| 24 | KHAMIS | 29 | 4.39 | 4.49 | 6.11 | 6.34 | 12.08 | 3.30 | 6.03 | 7.16 | |
| 25 | JUMAAT ¹ (Jumatilawal) | 4.39 | 4.49 | 6.11 | 6.35 | 12.08 | 3.30 | 6.03 | 7.17 | | |
| 26 | SABTU | 2 | 4.39 | 4.49 | 6.11 | 6.35 | 12.08 | 3.30 | 6.03 | 7.17 | |
| 27 | AHAD | 3 | 4.39 | 4.49 | 6.12 | 6.36 | 12.09 | 3.31 | 6.04 | 7.17 | |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI

| ISNIN | SELASA | RABU |
|---|--|----------------|
| Bandar Seri Begawan | | |
| 31 25 °C | 32 25 °C | 32 25 °C |
| Pekan Bangar | | |
| 31 25 °C | 32 25 °C | 32 25 °C |
| Pekan Tutong | | |
| 31 25 °C | 32 25 °C | 32 25 °C |
| Kuala Belait | | |
| 31 25 °C | 32 25 °C | 32 25 °C |
| WallahuAlam Bissawab | www.met.gov.bn | |
| Sumber : Perkhidmatan Kajiciuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi | | |

SIDANG PENGARANG 21 NOVEMBER 2022

Membudayakan penjagaan kebersihan untuk kesihatan

DALAM kehidupan umat Islam kebersihan adalah sangat penting. Islam sangat menekankan kebersihan, sama ada dari segi fizikal atau rohani dan menegaskan supaya umatnya menjaga kebersihan kerana kebersihan itu adalah sebahagian iman. Daripada Abu Malik Ash-'Ari Radiallahuanhu berkata, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : At-Tuhuru Syatru Iman (Riwayat Imam Muslim) maksudnya : "Kebersihan itu sebahagian daripada Iman".

Penjagaan kebersihan boleh dibahagi kepada dua jenis iaitu penjagaan kebersihan dalaman dan luaran, ataupun rohani dan fizikal. Penjagaan kebersihan dalaman ataupun rohani boleh dilakukan dengan cara menjaga kelima-lima Islam iaitu : mengucap dua kalimah syahadah, mendirikan solat, menunaikan ibadah puasa di bulan Ramadan, menunaikan zakat dan menunaikan ibadah haji bagi mereka yang mampu.

Kita juga boleh menjaga kebersihan rohani dengan menjaga pemikiran kita dengan cara menjauhi maksiat, memperbanyak zikir dan menjaga emosi dan mengawal perasaan-perasaan negatif seperti marah, benci, sombang, takbur dan sebagainya. Daripada Nukman bin Basir berkata, aku mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Ingatlah bahawa di dalam tubuh manusia itu ada segumpal darah, apabila ia baik maka baiklah seluruh jasad dan apabila ia rosak maka rosaklah keseluruhan jasad dia lah hati".

Untuk penjagaan kebersihan fizikal atau luaran, ini adalah merujuk kepada penjagaan kebersihan badan, pakaian dan persekitaran kita seperti tempat tinggal atau tempat kerja. Islam sentiasa menggalakkan umatnya supaya berada dalam keadaan bersih dari segi fizikal dan juga rohani. Menjaga kebersihan adalah sangat penting dalam Islam kerana ia sangat berkait dengan ibadah yang wajib iaitu solat. Sebelum mendirikan solat seseorang itu hendaklah berada dalam keadaan bersih dan suci dari hadas. Tempat solat juga hendaklah bersih.

Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ada menunjukkan kebiasaan atau tabiat Baginda dalam menjaga kebersihan tubuh badan yang boleh menjadikan sebagai contoh dan tauladan. Daripada Aisyah Radiallahuanha, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Ada 10 fitrah (tabiat) yang bersih : Mencukur kumis, memanjangkan janggut, bersiwak (menggosok gigi), beristinsyak (memasukkan air ke dalam hidung), memotong kuku, membabsuh ruas hari-hari, mencabut bulu ketiak, mencukur bulu ari-ari dan beristinja dengan air". Berkata Zakaria, berkata Mus'ab : "Dan aku lupa yang ke-10, kecuali ia adalah adalah berkumur-kumur".

Marilah kita sama-sama membudayakan dan mengamalkan penjagaan kebersihan dalam kehidupan sehari-hari dan mudah-mudahan kita akan sentiasa terlindung dan bebas dari segala penyakit, Amin Ya Rabbal Alamin. - Ketua Penyuntingan (Nr)

BERANGKAT TINGGALKAN BANGKOK, THAILAND



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan berangkat meninggalkan Bangkok, Thailand selepas menghadiri Mesyuarat Ketua-ketua Ekonomi APEC (AELEM) 2022 dan berada di Terminal Udara Don Mueang bagi menyembahyang selamat berangkat ke hadapan majlis baginda, Timbalan Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Prawit Wongsuwan (kanan), sementara gambar atas, baginda dan paduka anakanda baginda menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan.



Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Muhammad Asri
Haji Awang Abas

>> Muka 1

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Sebelum berangkat, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Berada di Terminal Udara Don Mueang bagi menyembahyang selamat berangkat ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah Timbalan Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Prawit Wongsuwan.

Turut hadir bagi menyembahyang selamat berangkat ke hadapan majlis Kebawah DYMM ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Thailand, Tuan Yang Terutama Pengiran

Haji Sahari bin Pengiran Haji Salleh.

Semasa menghadiri Mesyuarat AELEM, Kebawah DYMM telah berangkat menghadiri Sesi Retreat I (Pertama) dan Retreat II (Kedua) Mesyuarat Ketua-ketua Ekonomi APEC 2022; APEC Leaders' Informal Dialogue with Guests; mengadakan Perjumpaan Dua Hala bersama His Royal Highness Putera Mahkota and Perdana Menteri Kerajaan Arab Saudi; dan Mesyuarat Dua Hala bersama Tuan Yang Terutama Presiden Republik Rakyat China; serta berangkat ke Majlis Santap Malam Gala sempena mengalau-alukan kehadiran para Ketua Ekonomi APEC ke Mesyuarat AELEM Ke-29.

Baginda juga berkenan berangkat ke Majlis Royal Audience bersama Their Majesties the King of the Kingdom of Thailand and Queen, di Chakri Maha Prasat Throne Hall,

Bangkok, semalam.

Semasa APEC Economic Leaders' Meeting pada kali ini, Ketua-ketua Ekonomi APEC mengeluarkan dua dokumen, iaitu pertama, Deklarasi Pemimpin Ekonomi APEC yang mengetengahkan kerja-kerja APEC sepanjang tahun 2022 semasa Thailand menjadi Pengurus APEC, yang merangkumi usaha memajukan Free Trade Area of the Asia-Pacific (FTAAP), laluan selamat, pemeriksaan perekonomian wanita; dan kedayatahanan melalui model Ekonomi Bio-CircularGreen (B.C.G); dan kedua, the Bangkok Goals on Bio-Circular-Green Economy, bertujuan untuk mengesahkan komitmen Pemimpin APEC, dalam meneruskan objektif kemampannya secara responsif dan komprehensif untuk menangani peningkatan cabaran ekonomi serta alam sekitar yang dihadapi rantau ini, di samping memperkuuh dan menyumbang pada tindakan global yang sedang

berjalan.

Amerika Syarikat akan menjadi Pengurus APEC pada tahun

2023, dengan tema 'Creating a Resilient and Sustainable Future for All'.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan dijunjung bergambar bersama salah seorang petugas dan ahli keluarga beliau sejurus sebelum berangkat meninggalkan tempat persemayaman baginda sepanjang berada di Bangkok, Thailand.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda berkenan beramah mesra bersama para petugas dan ahli keluarga mereka sejurus sebelum berangkat meninggalkan tempat persemayaman baginda sepanjang berada di Bangkok, Thailand bagi menghadiri AELEM 2022 (kiri dan kanan).

DPMM FC TEWASKAN KOTA RANGER FC



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman bersama paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan menyaksikan perlawanan pertama, separuh akhir Piala FA Brunei 2022 di antara DPMM FC dan Kota Ranger FC (atas dan kanan).

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Masri Osman, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

JERUDONG, Sabtu, 19 November. - DPMM FC menang tipis ke atas Kota Ranger FC dengan keputusan 1 - 0, pada perlawanan pertama, separuh akhir Piala FA Brunei 2022, yang berlangsung di Jerudong Park Mini Stadium, di sini.

Berangkat menyaksikan perlawanan tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang

Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.

Berangkat sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji



Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Juga berangkat, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muttaqim; Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah; dan Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman.

Pada perlawanan tersebut, Muhammad Hakeme Yazid muncul wira setelah menjaringkan gol tunggal dan kemenangan bagi DPMM FC.

Separuh masa pertama

menyaksikan DPMM FC dengan bijak mengawal permainan dan menjaringkan gol tunggal perlawanan pada minit ke-22 menerusi Muhammad Hakeme Yazid Said.

Permainan defensif dari Kota Ranger FC pada malam tersebut mengekalkan keputusan 1 - 0 hingga pengadil meniupkan wisel penamat bagi separuh masa pertama.

Babak kedua perlawanan menyaksikan DPMM FC masih lagi dengan selesa mengawal permainan, namun terpaksa akur dengan keputusan pengadil apabila bermain dengan 10 orang setelah Muhammad Azwan Ali Rahman ditayangkan kad merah,

pada minit ke-71 apabila melakukan kekasaran kepada pemain penyerang Kota Ranger FC.

Kota Ranger FC nampak lebih bersemangat dengan kelebihan tersebut apabila melakukan serangan demi serangan, namun gagal untuk memanfaatkan peluang keemasan dan mencipta sebarang gol hingga ke wisel penamat perlawanan berkenaan.

Perlawanan kedua bagi separuh akhir Piala FA Brunei 2022 akan berlangsung pada 27 November 2022, di Padang dan Balapan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.



ANTARA aksi pada perlawanan pertama, separuh akhir Piala FA Brunei 2022 di antara DPMM FC dan Kota Ranger FC (atas, kanan, bawah dan bawah kanan).




>> Muka 1

Menurutnya lagi pada tahun 1964, sebuah balai ibadat dibina oleh para penduduk Kampung Serdang dan diperbesarkan lagi pada tahun 1977 hasil daripada kutipan derma para penduduk kampung dan orang ramai, sehingga pada 2 November 1979, balai ibadat berkenaan dibuka rasmi dan diberikan nama Surau Kampung Serdang.

Atur cara majlis dimulakan dengan Selawat Tafriyyah oleh para peserta belia dan beliawanis Majlis Khatam Al-Quran 25 Kali Khatam.

Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Mohd Khairul Azmy bin Haji Bakar, selaku Pengurus Majlis, dalam ucapan alu-aluananya mengongsikan sejarah Masjid Serdang yang telah pun bermula sejak tahun 1930-an dengan kos perbelanjaan hasil kutipan para penduduk kampung berkenaan dan secara rasmi digunakan pada tahun 1938.

Namun dengan kehadiran tentera Jepun di Brunei jelasnya, fungsi masjid berkenaan telah terganggu dan pada tahun 1951 Masjid Serdang terpaksa dirobohkan kerana mengalami banyak kerosakan.

buah fikiran yang bernes baik semasa mesyuarat jawatankuasa mahupun di luar waktu mesyuarat; komitmen yang berterusan dalam memastikan Masjid Serdang dalam keadaan bersih dan rapi daripada semenjak Masjid Serdang digunakan serta aktif dalam kegiatan takmir dan sentiasa mengambil berat tentang aktiviti takmir masjid.

Di samping itu jelasnya, bersamaan dengan Sambutan Memperingati Jubli Perak Masjid Serdang, Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid juga telah merancang dan akan melaksanakan pelbagai aktiviti takmir yang lebih menjurus kepada usaha untuk mengimarahkan masjid, antaranya ialah riadah amal, bengkel, ceramah dan Pertandingan Membaca Ayat-ayat Suci Al-Quran.

Pada majlis berkenaan, Anugerah Khas Jubli Perak diberikan kepada Penasihat AJK Takmir Masjid Serdang, Awang Haji Zakaria bin Haji Ahmad.

Atur cara juga termasuk penyampaian cenderamata dan sijil penghargaan kepada para peserta Majlis Khatam Al-Quran 25 Kali Khatam, penyampaian surat lantikan AJK Takmir Masjid bagi sesi 2022 hingga 2024 serta penyampaian penghargaan kepada para peserta mencipta logo rasmi masjid berkenaan yang disempurnakan oleh Yang

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Hamzah Mohidin

Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Di samping memberikan penghargaan kepada AJK Takmir Masjid, sambutan berkenaan adalah juga untuk mengenang jasa para Pegawai Masjid yang pernah bertugas di masjid Serdang kepada masyarakat luar.

Selain itu, untuk memperkuatkan lagi hubungan silaturahim dalam kalangan para Pegawai Masjid, jemaah dan penduduk kampung sekitarnya serta diharapkan untuk menyerlahkan Masjid Serdang kepada masyarakat luar.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menyampaikan Anugerah Khas kepada Penasihat Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Serdang, Awang Haji Zakaria bin Haji Ahmad (atas), sementara gambar atas kiri, Yang Berhormat menyempurnakan perasmian logo rasmi masjid berkenaan.

645 kes disahkan sembuh

Oleh : Srinarawie Bidzah
Infografik : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 20 November. - Sebanyak 645 kes disahkan sembuh, yang membawa jumlah keseluruhan kes yang sembuh meningkat kepada 247,230.

Menurut Infografik Status Harian Normal Baharu COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan pada hari ini, sebanyak satu kes dilaporkan sedang berada dalam Kategori 4, iaitu mereka yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.

Dalam masa yang sama, sebanyak dua kes sedang dilaporkan dalam Kategori 5, iaitu mereka yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU).

Setakat 20 November 2022, Program Vaksinasi masih kekal di tahap yang tinggi, iaitu sebanyak 86.6 peratus kanak-kanak berumur 5 hingga 11 tahun telah menerima dua dos vaksin manakala sebanyak 62.0 peratus remaja berumur 12 hingga 17 tahun telah menerima tiga dos vaksin.

Sementara itu, sebanyak 78.8 peratus rakyat dan penduduk negara ini telah mendapatkan tiga dos vaksin dan 11.1 peratus telah menerima empat dos vaksin COVID-19.



COVID-19 : 2 kes dalam Kategori 4

Oleh : Dk. Naqayatul Akma Pg. Haji Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 19 November. - Sebanyak 614 kes disahkan sembuh, yang membawa jumlah keseluruhan kes yang sembuh meningkat kepada 246,585.

Menurut Infografik Status Harian Normal Baharu COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan hari ini, dua kes berada di dalam Kategori 4, iaitu mereka yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi, manakala dua kes berada di dalam Kategori 5, iaitu mereka yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU).

Sementara itu, satu kes meninggal dunia.

Bagi Program Vaksinasi setakat 19 November 2022, sebanyak 86.6 peratus kanak-kanak yang berumur 5 hingga 11 tahun menerima dua dos vaksin dan sebanyak 61.9 peratus remaja berumur 12 hingga 17 tahun menerima tiga dos vaksin.

Sementara itu, sebanyak 78.8 peratus rakyat dan penduduk negara ini mendapatkan tiga dos vaksin dan 11.1 peratus menerima empat dos vaksin COVID-19.

MALAM MUNAJAT AJAK PENGGUNA JALAN RAYA AMALKAN PEMANDUAN BERHEMAH



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi selaku Pengerusi Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) pada Malam Munajat Ke-62 anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dengan kerjasama MKKJR bersempena menyambut Hari Memperingati Mangsa-mangsa Lalu Lintas Jalan Raya Sedunia 2022. Juga hadir memeriahkan Malam Munajat tersebut, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 20 November. - Semua pengguna jalan raya adalah dinasihatkan agar meningkatkan kewaspadaan dengan memberikan tumpuan dan perhatian sepenuhnya ketika memandu di jalan raya.

Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha selaku Pengerusi Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) menyampaikan saranan berkenaan pada Malam Munajat Ke-62 anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dengan kerjasama MKKJR bersempena

menyambut Hari Memperingati Mangsa-mangsa Lalu Lintas Jalan Raya Sedunia 2022.

Malam Munajat kali ini turut mengundang Tetamu-tetamu Khas terdiri daripada para ahli MKKJR; Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Surau Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB); Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Sufri Bolkiah, Kampung Perpindahan Berakas; dan para pelajar Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) Kampus Agroteknologi.

Malam Munajat minggu ini juga menyaksikan penyertaan para jemaah daripada 103 buah masjid termasuk surau dan balai ibadat

seluruh negara serta daripada warga Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) dan KHEU berserta keluarga daripada kediaman masing-masing.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi mulakan acara pada malam berkenaan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatiha dari Surau LTAB.

Seterusnya bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai dipimpin oleh Guru Ugama Tingkat II, IBTE Kampus Agroteknologi, Awang Narudin bin Lamit, dari Surau IBTE Kampus AgroTeknologi Wasan bersama para pelajar IBTE Kampus AgroTeknologi.

Diikuti dengan bacaan Doa Munajat oleh Penolong Setiausaha

Majlis Ugama Islam, Jabatan Majlis Ugama Islam Brunei, KHEU, Awang Haji Hamzah bin Haji Sabtu, dari Surau LTAB.

Acara juga diserikan dengan tazkirah bertajuk 'Pemanduan Berhemah', disampaikan oleh Ketua Unit Komunikasi Korporat, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Awang Haji Sammali bin Haji Adam, dari Masjid Sufri Bolkiah, Kampung Perpindahan Berakas.

Inti pati tazkirah antara lain mengingatkan kita bahawa nikmat yang Allah kurniakan berupa kenderaan dan jalan raya sewajarnya dimanfaatkan dengan bijaksana dan penuh berhemah.

Selaku pemandu dan pengguna jalan raya hendaklah berusaha agar dapat mengelakkan dan menyelamatkan daripada kemalangan. Bukan hanya keselamatan untuk diri sendiri malah juga keselamatan untuk orang yang ada di sekeliling.

Pemanduan berhemah adalah sebahagian daripada sikap amal soleh yang Allah jamin akan memperolehi kehidupan yang baik sebagaimana maksud firman Allah dalam Surah An-Nahl, ayat 97 : "Barang siapa yang mengerjakan amal soleh, baik laki-laki maupun perempuan dalam keadaan beriman, maka sesungguhnya akan Kami berikan kepada mereka dengan pahala yang lebih baik daripada apa yang telah mereka kerjakan".

Tazkirah juga mengingatkan kita agar sebelum melakukan perjalanan, sebagai pemandu perlu mempersiapkan dirinya dengan pelbagai pengetahuan khusus tentang pemanduan, perlu tahu undang-undang jalan raya, mempunyai kemahiran dalam

aspek pemanduan, mempunyai sikap yang betul ketika memandu dan mengamalkan sikap mencegah kemalangan dalam menghadapi pelbagai halangan semasa berada di jalan raya bagi menyelamatkan nyawa, harta dan masa pengguna jalan raya.

Acara diteruskan lagi dengan bacaan Zikir Taubat, yang dipimpin oleh Pegawai Masjid Imam Tingkat III, Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU, Awang Haji Mohammad Ashraf bin Haji Bujang, bersama Ahli-ahli MKKJR dan para pegawai serta kakitangan MTIC dari Surau LTAB.

Bagi memberkati acara, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Pegawai Masjid Imam Tingkat III, Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU, Awang Haji Mohammad Ashraf bin Haji Bujang, bersama ahli-ahli MKKJR dan para pegawai serta kakitangan MTIC dari Surau LTAB.

Malam Munajat mengajak orang ramai melipatgandakan amalan sehari-hari dengan membaca ayat-ayat suci Al-Quran, berdoa, berzikir dan beristighfar, semata-mata untuk memohon keampunan, perlindungan, rahmat dan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Di samping itu, berdoa agar rakyat dan Negara Brunei Darussalam sentiasa terpelihara daripada sebarang musibah yang tidak diingini dan berjaya membendung penularan penyakit berbahaya seperti COVID-19.

Orang ramai dipelawa untuk menyertai Malam Munajat dari mana juga mereka berada pada setiap Sabtu (malam Ahad) dengan melayari pautan <http://tiny.cc/munajatkheu> atau melalui Instagram Pusat Da'wah Islamiah @pdi_kheu.

Mini Karnival sempena Sambutan Jubli Emas SMMHT



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri pada sesi bergambar ramai pada Mini Karnival sempena Sambutan Jubli Emas Sekolah Menengah Muda Hashim Tutong (SMMHT) (atas), sementara gambar kanan, Yang Dipertua PEMODA, Pengiran Haji Redzuan bin Pengiran Haji Ahmad menyampaikan momento kepada Pemangku Pengetua SMMHT, Dayang Hajah Adimah binti Haji Md. Said.

Berita dan Foto : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

TUTONG, Ahad, 20 November. - Sempena Sambutan Jubli Emas Sekolah Menengah Muda Hashim Tutong (SMMHT), Mini Karnival diadakan di sekolah berkenaan, di sini.

Pelbagai aktiviti diadakan sepanjang karnival diadakan, yang dibuka khas untuk orang ramai yang ingin meluangkan masa

bersantai bersama keluarga, di hujung minggu.

Selain itu juga, vendor-vendor tempatan yang menjual makanan dan minuman, permainan untuk para pengunjung, permainan ATV, pertandingan karaoke, perlawanan tarik kalat, pameran yang dipersembahkan oleh SMMHT dan pameran koleksi kereta mewah

BMW turut memeriahkan Mini Karnival tersebut.

Mini Karnival dilancarkan oleh Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri selaku tetamu kehormat.

Juga tidak ketinggalan menyertai karnival berkenaan, Persatuan Motosikal Darussalam (PEMODA) yang dijemput oleh pihak sekolah, bagi sama-sama memeriahkan

acara tersebut, di mana pada karnival berkenaan, PEMODA mengadakan beberapa program, seperti Pameran Kesedaran Keselamatan Bermotosikal, Ceramah Kesedaran Keselamatan Bermotosikal dan Pameran Motosikal.

Sebagai tanda penghargaan, PEMODA menyampaikan momento kepada Pemangku Timbalan Pengetua Pentadbiran, Dayang Jabaiddah binti Haji Jait kepada Setiausaha Agung PEMODA, Awangku Muhammad Nazih bin Pengiran Yussof.

Adimah binti Haji Md. Said, disempurnakan oleh Yang Dipertua PEMODA, Pengiran Haji Redzuan bin Pengiran Haji Ahmad.

Terlebih dahulu, PEMODA juga diberikan Sijil Penghargaan, disampaikan oleh Pemangku Timbalan Pengetua Pentadbiran, Dayang Jabaiddah binti Haji Jait kepada Setiausaha Agung PEMODA, Awangku Muhammad Nazih bin Pengiran Yussof.



TANAI AMANAH YANG DIBERIKAN



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) pada sesi bergambar ramai bersama para Penerima Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam (APCPA); serta Anugerah Kakitangan Berjasa dan Berbakti Perkhidmatan Awam (AKB²PA).



YANG Berhormat Menteri di JPM menyampaikan Anugerah Gangsa kepada Kumpulan Jabatan Perancangan, Perkembangan dan Penyelidikan dan Jabatan Peperiksaan dari Jabatan Perancangan, Perkembangan dan Penyelidikan serta Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Hamzah Mohidin

>> Muka 1

Malahan, beliau berharap ia akan dapat dikekalkan, malah ditingkatkan supaya kita akan bersedia, dalam menangani apa jua ketidakpastian, kerumitan dan gangguan di masa akan datang.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi

bin Haji Mohd. Yussof.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha oleh Pegawai Pemantau Zon 4, Masjid Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Haji Mohd. Hafizuddin bin Pengiran Haji Bakar.

Acara kemuncak majlis ialah Penyampaian Anugerah-anugerah Perkhidmatan Awam, iaitu Anugerah Inovasi Perdana (AIP); Program Penggredan Prestasi Sektor Awam (3PSA) melalui Penarafan Bintang; Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam (APCPA); dan Anugerah Kakitangan Berjasa dan Berbakti

Perkhidmatan Awam (AKB²PA), disampaikan oleh tetamu kehormat majlis.

Penyertaan AIP pada tahun ini menumpukan pada Kertas Projek, dibukakan kepada agensi kerajaan secara berkumpulan atau perseorangan.

Ia juga menumpukan pada beberapa bidang tertentu, seperti meningkatkan penyampaian perkhidmatan awam melalui aplikasi teknologi info-komunikasi dan kaedah-kaedah tertentu; inovasi dalam perkhidmatan awam; meningkatkan integriti, ketelusan, akauntabiliti, dan tindak balas dalam perkhidmatan awam; serta penambahbaikan kualiti proses dalam perkhidmatan awam yang menyumbang kepada mempercepatkan urusan-urusan yang berkaitan dengan ease of doing business (eodb).

Sejumlah 16 kertas projek dicalonkan untuk dibuat penilaian oleh Panel Penilaian dan Pemilihan AIP yang dilantik.

Dalam meneliti dan menilai kertas projek, Panel Penilai AIP memberikan tumpuan yang tinggi ke atas aspek pemilihan projek, mekanisme pelaksanaan projek, hasil dan impak projek, cabaran, dalam melaksanakan projek serta rancangan lanjut projek.

Oleh yang demikian, Penganugerahan AIP bagi Kertas Projek Tahun 2022, Panel Penilaian dan Pemilihan AIP memutuskan, bahawa belum ada yang layak untuk menerima Anugerah Emas.

Sementara itu, pemenang

Anugerah Perak diberikan kepada Kumpulan FIT FOR PURPOSE dengan Kertas Projek, bertajuk 'Penyelidikan Pengukuran Methodologi Fit for Purpose bagi Negara Brunei Darussalam' dari Jabatan Ukur Cawangan Daerah Tutong, Kementerian Pembangunan, yang menerima geran pembelajaran atau projek, sebuah piala dan sijil penghargaan.

Manakala, pemenang Anugerah Gangsa ialah kertas projek, bertajuk 'Pelaksanaan Penilaian Student Assessment Tracker (S.A.T) Berkomputer' dari Kumpulan Jabatan Perancangan, Perkembangan dan Penyelidikan dan Jabatan Peperiksaan dari Jabatan Perancangan, Perkembangan dan Penyelidikan serta Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan yang juga menerima geran pembelajaran atau projek, sebuah piala dan sijil penghargaan.

Kemudian, sijil 3PSA melalui Penarafan Bintang dianugerahkan kepada empat agensi kerajaan yang memperoleh tahap pencapaian bintang dan ke atas melalui Penilaian 3PSA, yang dilaksanakan pada Tahun Kewangan 2019/2020; 2020/2021 dan 2021/2022.

Mereka, terdiri dari Jabatan Perkhidmatan Makmal, Kementerian Kesihatan; Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan; Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri; dan Bahagian Pendaftaran Syarikat-Syarikat dan Nama-Nama Perniagaan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

3PSA merupakan inisiatif

berterusan JPM, khususnya Jabatan Perkhidmatan Pengurusan (MSD) bagi menjunjung Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Perkhidmatan Awam Ke-21, pada tahun 2014.

Sebanyak 26 agensi kerajaan dinilai melalui 3PSA bagi tiga tahun kewangan berkenaan. 3PSA berfungsi sebagai peranti untuk menilai dan mengukur tahap prestasi serta kualiti penyampaian perkhidmatan agensi-agensi kerajaan.

Melalui 3PSA juga, diharap akan dapat membantu agensi-agensi kerajaan menuju ke arah kecemerlangan Perkhidmatan Awam.

Pada tahun ini, seramai 35 warga Perkhidmatan Awam dalam Bahagian-bahagian II, III, IV dan V pula menerima Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam (APCPA) dan Jepan warga Perkhidmatan Awam dari Bahagian V menerima Anugerah Kakitangan Berjasa dan Berbakti Perkhidmatan Awam (AKB²PA).

Majlis diselanjurkan dengan Penyampaian Kutipan Riadah Amal Hari Perkhidmatan Awam Ke-29 kepada empat buah agensi penerima dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

Turut hadir di majlis tersebut, Timbalan-timbalan Menteri di JPM, Setiausaha-setiausaha Tetap, Ketua-ketua Jabatan, Pegawai-pegawai Kanan, serta Pegawai dan kakitangan kerajaan.



PEMENANG Anugerah Perak, Kumpulan FIT FOR PURPOSE dari Jabatan Ukur Cawangan Daerah Tutong, Kementerian Pembangunan (atas), sementara gambar kanan, antara yang hadir pada Majlis Penghargaan dan Penyampaian Anugerah-anugerah sempena Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-29, Tahun 2022.



SEBUAH KELUARGA MELAFAZKAN DUA KALIMAH SYAHADAH



YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama menyampaikan cenderamata dan bergambar ramai pada Majlis Pengislaman bagi Luciano Cruz Ranchero serta keluarga, yang berlangsung di sebuah rumah persendirian di Rancangan Perumahan Negara Panaga (kanan dan kiri).

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama
Foto : Dk. Nur Hafizah Pg. Osman

BELAIT, Ahad, 20 November. - Menjaga hubungan silaturahim merupakan perkara kebaikan yang perlu ada dalam diri seseorang muslim tanpa mengira bangsa dan agama.

Bersesuaianlah dengan makna perkataan 'silah' atau 'wasal' yang bererti menyambungkan atau menghimpun, dan 'rahim' yang bererti kasih sayang.

Manakala, perbuatan memutuskan hubungan silaturahim antara sesama manusia adalah sangat dilarang dalam Islam.

Untuk menjaga hubungan baik sesama manusia, seseorang muslim itu perlulah terlebih dahulu menjaga hubungannya dengan Allah Subhanahu Wata'ala.

Demikian antara initiatif tazkirah yang disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama I-Ready, Pejabat Unit Da'wah Daerah Belait, Dayang Juliana @ Siti Shatirah binti Haji Jailani, pada Majlis Pengislaman bagi Luciano Cruz Ranchero serta keluarga yang berlangsung di sebuah rumah persendirian di Rancangan Perumahan Negara Panaga.

Turut hadir menyaksikan penyempurnaan majlis berkenaan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, dan Datin.

Majlis Pengislaman dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha

diikuti dengan lafadz dua kalimah syahadah oleh Lunciano Cruz Ranchero, berusia 69 tahun, dan memilih nama Islamnya sebagai Muhammad Syazani bin Abdullah Ranchero.

Sementara isteri beliau, Runi binti Bundan, berusia 45 tahun memilih nama Islamnya sebagai Nur Ayuni Khairunnisa binti Muhammad Sufian.

Turut melafazkan dua kalimah syahadah pada majlis berkenaan ialah anak-anak pasangan berkenaan iaitu, Fazri Royezzaat anak Patah, berusia 25 tahun memilih nama Islamnya sebagai Muhammad Ezzat Haikal bin Abdullah Patah; Fazlie Royezzan anak Patah, berusia 23 tahun, memilih nama Islamnya sebagai Muhammad Ezzan Mikail bin Abdullah Patah; Fazlan Royezzaam anak Patah, berusia 22 tahun, memilih nama Islamnya sebagai

Muhammad Ezzam Mateen bin Abdullah Patah; dan Faznil Hakim Royezzuan anak Patah, berusia 18 tahun, dan memilih nama Islamnya sebagai Muhammad Ezzuan Hakim bin Abdullah Patah.

Seterusnya, Shasya Amylia Ranchero, berusia 15 tahun, memilih nama Islamnya sebagai Nur Syasya Khairunnisa binti Muhammad Syazani; Syafiq Aiman Ranchero, berusia 13 tahun, memilih nama Islamnya sebagai Muhammad Syafiq Aiman bin Muhammad Syazani; Syarif Adam Ranchero, berusia 11 tahun, memilih nama Islamnya sebagai Muhammad Syazwan Adam bin Muhammad Syazani; dan Syarif Amin Ranchero, berusia lima tahun, yang kini dikenali sebagai Muhammad Syarif Aiman bin

Muhammad Syazani. Majlis pengislaman disempurnakan oleh Pegawai Pengislaman dari Pejabat Unit Da'wah, Daerah Belait.

Selain tazkirah yang bertajuk 'Menjaga Hubungan Silaturahim', pengisian majlis, termasuk penyampaian cenderamata disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis kepada keluarga yang diraikan.

Majlis diserikan lagi dengan Dikir Marhaban dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Pandan, Daerah Belait, Abdul Qayyum bin Haji Aminuddin.

Sejak Januari hingga 20 November 2022, seramai 83 orang memeluk agama Islam di Daerah Belait.

Sambutan Hari GIS Sedunia sediakan pelbagai aktiviti menarik

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin



BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 20 November. - Program Bandarku Ceria hari ini dimeriahkan dengan Sambutan Hari Sistem Maklumat Geografi (GIS) yang mengetengahkan pelbagai aktiviti, permainan dan pameran dengan tema, 'Explore the Unseen with GIS'.

Sambutan yang dianjurkan oleh Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan dengan kerjasama Institusi Geomatik Brunei (B.I.G) ini berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, di sini.

Sambutan Hari GIS pada tahun ini diadakan bertujuan untuk memperkenalkan inovasi aplikasi teknologi GIS, dalam penggunaan data geospatial dan Geomatik.

Hadir selaku tetamu kehormat, Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan pada aktiviti, permainan dan pameran dengan tema, 'Explore the Unseen with GIS' sempena Sambutan Hari Sistem Maklumat Geografi (GIS), yang turut memeriahkan Program Bandarku Ceria (kanan dan kiri).

Turut hadir meraikan Sambutan Hari GIS Sedunia tersebut, Timbalan Setiausaha Tetap (Korporat dan Undang-Undang),

Kementerian Pembangunan, Dayang Aldila binti Haji Mohamad Salleh; Pemangku Ketua Pengarah Kerja Raya; Ketua-ketua Jabatan di bawah Kementerian Pembangunan; para Pegawai Kanan dan Kaitangan Jabatan Ukur; dan Ahli-ahli B.I.G.

Turut menghadiri sambutan berkenaan, Presiden B.I.G, Awang Haji Ali Bakar bin Haji Kasim.

Antara aktiviti, permainan dan pameran yang menarik perhatian pengunjung pada sambutan tersebut, termasuk Cerapan Matahari, pameran instrumen, Permainan Chipping Planets, Guess the Distance, Ping the Depth, Match it Up, Guess N Win, Places in NBD dan puzzles.

Sambutan Hari GIS tahun ini juga membarigakan aplikasi mudah alih Geoportal Ukur juga Penggunaan



Penomboran Rumah dan simpang serta pengesahan alamat.

Aplikasi Dalam Talian, iaitu Sistem Peta Mukim dan Kampung dan Sistem Hala Kiblat turut dipamerkan.

Sambutan Hari GIS sedunia diadakan setiap tahun pada November dan pada tahun ini Hari GIS jatuh pada 16 November 2022.

Pada tahun ini, Jabatan Ukur, B.I.G. dan organisasi-organisasi di seluruh dunia turut serta menganjurkan perhimpunan secara bersemuka atau secara maya dalam meraikan bidang

profesional GIS.

Ia juga berfungsi dalam menyemarakkan imaginasi para inovator masa depan yang bertanggungjawab, dalam memajukan pembangunan secara global menggunakan teknologi GIS.

Sambutan Hari GIS Sedunia ini memberi peluang untuk para profesional GIS di seluruh dunia untuk berkongsi maklumat melalui penggunaan teknologi GIS untuk mengambil pendekatan geografi, dalam menangani cabaran, seperti pandemik COVID-19 dan perubahan iklim.

MAJLIS KONVOKESYEN KOLEJ ANTARABANGSA MICRONET RAIKAN 126 GRADUAN



Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

JERUDONG, Sabtu, 19 November.
- Seramai 126 graduan diraikan dalam Majlis Konvokesyen Kolej Antarabangsa Micronet, yang

berlangsung di Indera Samudera Grand Hall, The Empire Brunei, di sini.

Daripada jumlah tersebut, 125



SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat, seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil kepada graduan yang diraikan pada Majlis Konvokesyen Kolej Antarabangsa Micronet (atas dan kiri).

adalah para Graduan dari Kursus-kursus Pearson BTEC International Level 2 Certificate in Business; Pearson BTEC International Level 2 Certificate in Information Technology; Pearson BTEC International Level 3 Diploma in Information Technology; dan Pearson BTEC Level 5 Higher National Diploma in Computing.

Sementara seorang daripadanya adalah SQA Advanced Diploma in Computer Science.

Hadir selaku tetamu kehormat, seterusnya menyampaikan sijil kepada para graduan, Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad.

Dua graduan juga terpilih menerima Anugerah Kepujian Khas (Special Merit Awards) atas pencapaian mereka, iaitu Dayang Nurshafikah Nazihah binti Hasli yang dalam jurusan Pearson BTEC

International Level 3 Diploma in Information Technology; dan Dayang Fitriana Nur Amal Khairiyah binti Dadang Supriatna dalam jurusan Pearson BTEC Level 5 Higher National Diploma in Computing.

Semasa ditemu bual oleh Pelita Brunei, Dayang Nurshafikah Nazihah melahirkan rasa terharu dan bersyukur kerana beliau benar-benar tidak menyangka dikurniakan Anugerah Kepujian Khas.

"Terima kasih banyak diucapkan kepada ibu saya yang selama ini menjadi pendorong kepada tenaga-tenaga pengajar yang selama ini mendidik dan mengajar saya sehingga saya beroleh kejayaan pada hari ini," luahnya dengan gembira.

Beliau turut mengongsikan nasihat untuk mereka yang masih belajar ketika ini agar terus berusaha dan sentiasa mendorong diri sendiri untuk mencapai apa yang diimpikan.

Sementara itu, Dayang Fitriana Nur Amal Khairiyah pula ingin berkongsi kejayaannya bersama kedua ibu bapanya, yang selama ini tidak henti-henti menyokong

dirinya hingga berjaya pada hari ini.

Menurutnya, antara cabaran sukar yang dilalui di sepanjang pembelajaran ialah ketika belajar melalui dalam talian semasa negara diserang wabak COVID-19.

"Tetapi Alhamdulillah, semua dapat dilalui dengan baik kerana Micronet mempunyai guru-guru yang hebat dan banyak membantu kami, terutama sekali di saat memerlukan.

"Saya juga tidak menyangka akan dianugerahkan Kepujian Khas pada hari ini, di mana bagi saya ia adalah sangat berbaloi di atas apa yang diusahakan di sepanjang pembelajaran," tambahnya.

Majlis diakhiri dengan sesi bergambar ramai bersama tetamu kehormat.

Pendaftaran bagi kemasukan April 2023 kini dibuka dan orang ramai boleh melayari www.micronet.com.bn atau Facebook Micronet Brunei, Instagram MicronetBruneiG atau menghubungi talian +673 2451133 atau +673 2611133 untuk maklumat lanjut.



ANTARA graduan yang diraikan pada Majlis Konvokesyen Kolej Antarabangsa Micronet.

MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Suburkan Budaya Bergotong-royong'. Tarikh Tutup : 23 November 2022
- 'Waspada Sindiket Penipuan Kewangan'. Tarikh Tutup : 30 November 2022
- 'Isi Cuti Persekolahan Dengan Aktiviti Berfaedah'. Tarikh Tutup : 7 Disember 2022

TERMA DAN SYARAT :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditarap jarak **langkah dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

کمترین کمیختن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

KANAK-KANAK YANG DIJANGKITI COVID-19

SCAN ME

<https://bit.ly/3pmKocp>

Membangun kerjasama secara global dalam melindungi ozon



Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 19 November. - Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTre) tidak terkecuali daripada menyertai masyarakat global bagi memperingati Hari Ozon Sedunia 2022, yang lazimnya disambut secara global sejak ia diisytiharkan oleh Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu sebagai Hari Antarabangsa bagi Pemeliharaan Lapisan Ozon dan dalam memperingati tarikh penandatanganan Protokol Montreal pada 16 September 1987.

Ia telah menjadi wadah bagi menekankan keperluan untuk bertindak secara kerjasama, menjalin perkongsian dan membangunkan kerjasama secara global dalam melindungi ozon sambil menangani cabaran iklim untuk melindungi kehidupan di bumi untuk generasi yang akan datang.

Hadir pada acara tersebut selaku tetamu kehormat ialah Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan, Dayang Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak.

Dalam ucapan Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) menyentuh mengenai tema Hari Ozon Sedunia tahun ini 'Montreal Protocol@35: Global Cooperation Protecting Life on Earth' dengan slogan 'Ozone for All', mencerminkan obligasi kolektif semua ahli Negara Parti kepada Konvensyen Vienna dan Protokol Montreal bagi memastikan lapisan ozon dipulihkan dan terjaga daripada ancaman gas-gas yang menghakis lapisan ozon (Ozone Depleting Substances-ODS) ini.

Tambahnya, kesan negatif dari penipisan lapisan ozon ini akan meningkatkan sinaran UV yang sampai ke permukaan bumi, justeru boleh memberikan impak negatif kepada kesihatan seperti penyakit katarak dan kanker kulit.

Dayang Dr. Nor Imtihan juga menekankan bahawa pihak Protokol Montreal telah mendapat gas alternatif yang digunakan untuk menggantikan ODS ini merupakan gas yang mempunyai nilai Global Warming Potential (GWP) yang tinggi dan boleh menyebabkan kesan negatif kepada iklim. Melalui Pindaan Kigali yang diperkenalkan dan dikuatkuasakan sejak tahun 2019, peralihan kepada gas alternatif baharu yang bersifat Low GWP telah diperkenalkan.

Oleh itu, katanya, JASTre telah menghasilkan satu buku panduan bagi mengambil kira langkah-langkah keselamatan kerana gas ini bersifat flammable.

Buku Panduan ini jelasnya, mengandungi tatacara Best Practices bagi pengendalian dan pengurusan gas-gas flammable dan Negara Brunei Darussalam merupakan negara pertama di Asia Tenggara yang menghasilkan Buku Panduan seperti ini.

Di samping itu, beliau juga turut



SETIAUSAHA Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan merasmikan Jerayawara Ozone for All dan melancarkan Buku Panduan untuk 'Safe Handling of Low-GWP (Flammable) Refrigerants', seterusnya menyampaikan hadiah bagi pemenang-pemenang Pertandingan Seni 'Asia Pacific Regional Ozone2Climate' (kiri dan atas).

mengongsikan beberapa aktiviti yang telah disusun oleh JASTRe bagi meraikan Sambutan Hari Ozon Sedunia tahun ini. Salah satunya ialah jerayawara yang berkonsepkan promosi kesedaran perlindungan lapisan ozon di mana pelbagai usaha, program dan perkhidmatan yang menjurus kepada perlindungan dan pemulihian lapisan ozon dapat dilihat melalui inisiatif dari agensi-agensi kerajaan dan syarikat-syarikat perkhidmatan swasta.

Pada majlis itu, tetamu kehormat merasmikan Jerayawara Ozone for All dan melancarkan Buku Panduan untuk 'Safe Handling of Low-GWP (Flammable) Refrigerants'.

Acara seterusnya diikuti dengan penyampaian hadiah bagi pemenang - pemenang Pertandingan Seni 'Asia Pacific Regional Ozone2Climate' oleh tetamu kehormat majlis.

Pertandingan tersebut terbahagi

kepada dua kategori, iaitu Kategori Belia (bagi 15 tahun ke bawah) dan Kategori Umum (bagi 15 tahun ke atas). Terdapat dua kategori di bawah Kategori Belia, iaitu Kategori Melukis dan Reka Bentuk Grafik. Tiada pemenang pertama bagi kedua kategori di bawah 15 tahun. Bagi Kategori Umum pula, terdapat tiga kategori, iaitu Melukis, Reka Bentuk Grafik dan Fotografi. Kategori Melukis telah dimenangi oleh Awang Muhammad Hanis bin Zaini, manakala bagi Kategori Reka Bentuk Grafik disandang oleh Dayang Nurulaini binti Rosli. Tiada pemenang pertama bagi Kategori Fotografi di atas 15 tahun ke atas.

Majlis kemudian diakhiri dengan tetamu kehormat meninjau ke pameran jerayawara, termasuk galeri karya seni daripada pemenang-pemenang pertandingan dan pameran dari agensi-agensi kerajaan serta syarikat-syarikat Refrigerants Air Conditioning (RAC) yang ikut serta.

Turut hadir semasa acara tersebut ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Korporat dan Undang-Undang), Dayang Aldila binti Haji Mohamad Salleh; Ketua-ketua Jabatan serta Pegawai-pejawai Kanan dari Jabatan Kastam dan Eksais Diraja; Jabatan Bomba dan Penyelamat; Jabatan Tenaga di bawah Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Pembangunan.

Jerayawara yang bertemakan 'Ozone for All' dibukukan kepada orang ramai pada 19 dan 20 November 2022 bermula dari jam 10.00 pagi hingga 10.00 malam di aras bawah, kawasan atrium, Pusat Membeli-belah Times Square, di sini.



TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir, seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pasukan pemenang pada Pertandingan Membaca Al-Quran Secara Muratal bagi Kelas Al-Quran dan Muqaddam, di Masjid, Surau dan Balai Ibadat di Seluruh Negara sempena Sambutan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-76, Tahun 2022.

PUPUK SEMANGAT BELIA CINTAKAN AL-QURAN



Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ak. Mohd Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

JERUDONG, Sabtu, 19 November. - Kumpulan Pelajar Kelas Al-Quran dan Muqaddam Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung

Jerudong serta Kumpulan Pelajar Kelas Al-Quran dan Muqaddam Masjid Kampung Tanah Jambu, masing-masing muncul johan bagi

Kategori Lelaki dan Kategori Perempuan, pada Pertandingan Membaca Al-Quran Secara Muratal bagi Kelas Al-Quran dan Muqaddam, di Masjid, Surau dan Balai Ibadat di Seluruh Negara sempena Sambutan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-76, Tahun 2022.

Naib johan bagi Kategori Lelaki disandang oleh Kumpulan Pelajar Kelas Al-Quran dan Muqaddam Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong; dan tempat ketiga dimenangi oleh Kumpulan Pelajar Kelas Al-Quran & Muqaddam

Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Kampung Rimba. Sementara bagi Kategori Perempuan, naib johan diberikan kepada Kumpulan Pelajar Kelas Al-Quran dan Muqaddam Masjid Kampung Kupang, Tutong dan Kumpulan Pelajar Kelas Al-Quran & Muqaddam Masjid Pengiran Abdul Wakeel, Kampung Kiudang meraih tempat ketiga.

Pertandingan adalah sebagai salah satu usaha bagi memupuk semangat dalam kalangan kanak-kanak Kelas Al-Quran dan Muqaddam di Masjid, Surau dan Balai Ibadat Seluruh Negara agar celik Al-Quran serta menjadikannya satu amalan harian yang berpanjangan.

Sebanyak 11 pasukan bagi Kategori Lelaki dan 12 pasukan bagi Kategori Perempuan mengikuti pertandingan tersebut, yang diadakan di Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat



ANTARA peserta pada Pertandingan Membaca Al-Quran secara Muratal bagi Kelas Al-Quran dan Muqaddam, di Masjid, Surau dan Balai Ibadat di Seluruh Negara.

bagi menyampaikan hadiah kepada para pasukan pemenang di pertandingan tersebut, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang.

Pertandingan dianjurkan oleh Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM) dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam.

Di samping untuk melahirkan dan menambah bilangan kanak-kanak yang celik Al-Quran, pertandingan bertujuan untuk menarik minat kanak-kanak mengikuti apa juar aktiviti yang dijalankan di masjid serta menjadikannya sebagai pusat penyebaran dakwah kepada masyarakat umum yang secara tidak langsung mengimarahkan masjid.

Selain itu, untuk mengeratkan hubungan silaturahim di antara para Pegawai dan Kakitangan JHEM dan Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid berkeraaan serta peserta-peserta pertandingan.

HAJI HAMIDI CALON TUNGGAL KETUA KAMPUNG KAWASAN 5 RPN LAMBAK KANAN

LAMBAK KANAN, Ahad, 20 November. - Antara kepentingan jawatan Ketua Kampung bagi sesebuah kampung antara lain adalah sebagai ketua dan pemimpin masyarakat di akar umbi bagi para penduduk kampung yang bertanggungjawab untuk menerajui perpaduan, keharmonian, kemakmuran dan kesejahteraan hidup bermasyarakat di sebuah kampung serta penggerak kepada pembaharuan, pembangunan dan perkembangan sosioekonomi masyarakat kampung.

Ketua Kampung menjadi contoh

teladan kepada masyarakat mukim dan kampung serta sebagai perantara dua hala Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dengan penduduk / masyarakat kampung sebagai mata, telinga, kaki dan tangan serta bertindak sebagai peneraju bagi mengukuhkan, memantapkan, mempertahankan dan mengekalkan sistem pemerintahan bernegara di bawah kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Perkara berkenaan ditekankan

oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Misle bin Haji Abdul Karim semasa menyampaikan ucapan pada Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Kawasan 5 Rancangan Perumahan Negara (RPN) Lambak Kanan Mukim Berakas 'B', yang berlangsung di Dewan Kemasyarakatan Lambak Kanan 2.

Beliau seterusnya menjelaskan bahawa dengan melalui beberapa proses yang telah ditetapkan, hanya seorang calon yang layak dibawa ke Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Kawasan 5, RPN Lambak Kanan Mukim Berakas 'B' setelah sesi temu duga dijalankan sebelum ini.

Pengundian berkenaan disediakan menggunakan dua kaedah, iaitu secara dalam talian menerusi aplikasi E-Undi PMKK sebagai pemudah cara bagi anak-anak buah kampung untuk mendaftar ke daftar undi sesebuah kampung seterusnya membuat undian.

SEKITAR Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Kawasan 5, RPN Lambak Kanan Mukim Berakas 'B', yang diadakan di Dewan Kemasyarakatan Lambak Kanan 2.



6 pegawai terima Anugerah OBOE Endeavour Academic Excellence



TIMBALAN Pemerintah Tentera Udara Australia, Air Vice Marshal Stephen Meredith ketika menyampaikan anugerah (atas), sementara gambar atas kanan, Komandan AP ABDB, Kolonel Pengiran Sharifuddin bin Pengiran Haji Yusof ketika menyampaikan ucapan alu-aluan.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Mohamad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 19 November. - Seramai enam pegawai yang terdiri daripada lima Pegawai Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan seorang Pegawai Awam Kementerian Pertahanan telah menerima Anugerah OBOE Endeavour Academic Excellence dari Kerajaan Australia baru-baru ini sebagai pengiktirafan terhadap keputusan cemerlang di dalam Kursus Maktab Turus ABDB Sesi Ke-12.

Majlis yang berlangsung di Akademi Pertahanan ABDB (AP ABDB) dihadiri oleh Timbalan Pemerintah Tentera Udara Australia, Air Vice Marshal Stephen Meredith selaku tetamu kehormat.

Turut hadir ialah Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Luke Arnold; Timbalan-timbalan

dan Pemangku Timbalan Pemerintah Angkatan Tentera, Pemangku Timbalan Pemerintah Angkatan Bersama, Ketua Unit Inspektorat ABDB, Pengarah Keanggotaan, Penasihat Pertahanan Australia ke Negara Brunei Darussalam serta Pegawai-pegawai Kanan ABDB.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Komandan AP ABDB, Kolonel Pengiran Sharifuddin bin Pengiran Haji Yusof.

Dalam ucapannya, beliau merakamkan ucapan tahniah kepada semua penerima anugerah dan penghargaan kepada Kerajaan Australia atas anugerah tersebut yang pastinya telah menyumbang kepada peningkatan taraf Maktab Turus AP ABDB.

Beliau juga menyatakan bahawa



Negara Brunei Darussalam amat menghargai hubungan pertahanan dengan Australia dan melihat program berkenaan sebagai satu peluang yang berkesan untuk mengukuhkan lagi kerjasama ketenteraan antara kedua-dua buah negara.

Sementara itu, Air Vice Marshal Stephen Meredith, dalam ucapannya menyampaikan bahawa anugerah ini adalah peluang untuk mendalami persefahaman dan hubungan di antara Negara Brunei Darussalam dan Australia.

Beliau turut mengucapkan tahniah kepada semua penerima-penerima anugerah atas keputusan cemerlang mereka yang merupakan mercu tanda dalam penerapan seni ketenteraan dan perlu diperlakukan dalam tugas harian dan juga menghargai jemputan yang berterusan daripada ABDB kepada Pegawai-pegawai Australia untuk menghadiri Kursus Maktab Turus di Negara Brunei Darussalam.

Majlis diteruskan dengan penyampaian anugerah kepada enam penerima iaitu 800 Mejar Awang Abdul Aziz bin Haji Razali, Tentera Darat Diraja Brunei; 802 Lettenan Komander Wan Abdul Naafi bin Metussin, Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB); 819 Lettenan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

Calon tunggal yang dibawa ke majlis berkenaan ialah Haji Hamidi bin Haji Abdul Wahid, berusia 36 tahun (berumur 34 tahun semasa tarikh tutup iklan pada 8 April 2020) dan telah bermastautin di Kawasan 5 Rancangan Perumahan Negara (RPN) Lambak Kanan Mukim Berakas 'B', selama 26 tahun dan memperolehi kelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam pada tahun 2010 dan berkhidmat di Radio Televisyen Brunei, Jabatan Perdana Menteri.

Pada majlis berkenaan, sebanyak 235 jumlah undi diperolehi, iaitu sejumlah 227 bersetuju, empat tidak bersetuju dan dua undi rosak.

Keputusan Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung RPN Lambak Kanan Mukim Berakas 'B' akan dihadapkan ke Lembaga Perjawatan, Disiplin dan Tata tertib Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi proses selanjutnya.

Buka peluang jana pendapatan



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri ketika meyaksikan antara jualan pada Festival Tanjong Maya.

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

TUTONG, Sabtu, 19 November. - Majlis Perundingan Kampung Tanjong Maya dan Syarikat AIZ Management dengan kerjasama Jabatan Daerah Tutong menganjurkan Festival Tanjong Maya yang berlangsung di Taman Warisan Sungai Damit Tanjong Maya.

Festival selama tiga hari yang bermula 18 November 2022, kelmarin itu turut diisikan dengan beberapa persembahan Live Band dari De'Brother Band, aktiviti jualan makanan dan minuman dari penduduk kampung tersebut, memancing, Cabaran Larian 5km dan juga Pertandingan Karaoke serta pelbagai permainan khas untuk seisi keluarga dan para pengunjung yang hadir.

Majlis Perasmian Festival yang julung kalinya diadakan itu telah disempurnakan oleh Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri selaku tetamu kehormat majlis.

Dalam ucapan Pemangku Ketua Kampung Tanjong Maya dan Lubok Pulau, Awang Haji Ishak bin Haji Abdul Manaf menjelaskan tujuan festival diadakan bagi membuka peluang dan mengadakan aktiviti-aktiviti yang boleh menjana pendapatan dan ekonomi masyarakat, di samping menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai salah satu destinasi yang harus dikunjungi oleh para pelancong dan pelawat.

Komander Pengiran Haji Khairul Anwar bin Pengiran Haji Abu Bakar, TLDB; 827 Mejar Lizawati binti Haji Suhaili, AP ABDB; 989 Mejar (U) Arif Syazwi bin Haji Md Idris, Tentera Udara Diraja Brunei; dan Dayang Nur Khadijah binti Ramli, Kementerian Pertahanan.

Anugerah OBOE Endeavour adalah merupakan Program Kecemerlangan Akademik daripada Kerajaan Australia yang dianugerahkan kepada peserta-peserta Kursus Maktab Turus yang telah mencapai keputusan yang cemerlang semasa kursus tersebut.

Pegawai-pegawai berkenaan akan dijemput ke Australia untuk berjumpa dengan Ketua-ketua Pertahanan Australia, melawat pangkalan tentera Australia, mengikuti aktiviti-aktiviti pendidikan dan kebudayaan serta melibatkan diri di dalam sesi dialog dan perbincangan.

Penerima-penerima anugerah pada tahun ini akan berlepas ke Australia bermula pada 5 Disember 2022 hingga 11 Disember 2022.

Program ini bertujuan untuk memberikan kefahaman kepada pegawai-pegawai berkenaan mengenai Australia, Angkatan Tentera Australia serta berkongsi mengenai persamaan di dalam kepentingan keselamatan serantau dan mengeratkan hubungan antara kedua-dua buah angkatan tentera serta meningkatkan lagi hubungan pertahanan dua hala di antara Negara Brunei Darussalam dan Australia.

Majlis Penyampaian Anugerah ini adalah kali kelima diadakan sejak ia pertama kali diadakan pada tahun 2018 dan sebanyak 29 pegawai telah menerima anugerah tersebut.

Nama 'Anugerah OBOE Endeavour' dipilih sempena memperingati penglibatan Angkatan Tentera Australia dalam kejayaan membebaskan Borneo dari Jepun semasa Operasi OBOE di Perang Dunia Ke-2 pada Julai 1945 dan seterusnya menandakan titik permulaan hubungan pertahanan di antara Negara Brunei Darussalam dan Australia.

GURU SUMBER KECEMERLANGAN PELAJAR

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 19 November. - Di sebalik cabaran mengharungi pandemik COVID-19, para guru dilihat terus gigih mendidik para pelajar demi memastikan kelestarian pembangunan generasi kita, di negara ini.

Cabaran pandemik COVID-19 menjadikan peluang kepada para guru untuk lebih kreatif, dinamik dan *adaptable*, dalam penyampaian pengajaran dan pembelajaran, khususnya warga Guru Sekolah Menengah Yayasan

Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SM YSHHB) yang menggunakan aplikasi Microsoft Teams dan Onenote sebagai pengganti pengajaran di dalam kelas ketika pembelajaran dalam talian.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Ahli Lembaga Pengarah YSHHB, Awang Ahmad Jefri bin Abdul Rahman, semasa Majlis Penyampaian Anugerah Akademik BC-GCE 'O' Level, yang berlangsung di Dewan Serbaguna, SM YSHHB, di sini.

Berucap selaku tetamu kehormat majlis, Awang Ahmad Jefri seterusnya menambah, bagi membantu pelajar-pelajar yang terkesan oleh pandemik COVID-19, pihak SM YSHHB dan YSHHB merangka strategi-strategi tindak balas serta pemulihan pendidikan, dalam memastikan pelajar-pelajar tidak tertinggal dalam menuntut ilmu.

Pihak SM YSHHB dan pihak YSHHB, tambahnya, telah memberikan bantuan yang sepatutnya kepada pelajar *bursary* agar dapat kembali ke tahap pendidikan yang diharapkan dengan memberikan sumbangan komputer riba kepada mereka.

Selain itu, jelasnya, pemimpin sekolah terus memainkan peranan yang amat penting dalam mendukung transformasi pendidikan, iaitu dengan memberikan sistem pendidikan dan latihan perguruan yang diperlukan untuk melakukan sebarang perubahan penting, khasnya dari segi penyediaan kurikulum serta kemahiran-kemahiran baharu yang diperlukan oleh guru.

"Saya percaya kecemerlangan



SALAH seorang pelajar Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SM YSHHB) yang diraikan menerima anugerah berserta piala, sijil dan hadiah, pada Majlis Penyampaian Anugerah Akademik BC-GCE 'O' Level tersebut.

pelajar-pelajar hari ini juga adalah hasil penat lelah guru-guru, ibu bapa serta penjaga yang tidak jemu-jemu mendidik, memberikan dorongan dan sokongan terhadap pembelajaran anak-anak mereka. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua guru, ibu bapa dan penjaga pelajar yang menerima anugerah pada hari ini," ujarnya lagi.

Pada majlis tersebut, seramai 54 pelajar dari tahun 2021 menerima anugerah berserta piala, sijil dan hadiah, masing-masing yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Anugerah Pelajar Terbaik diberikan kepada Pelajar Tahun 10 Fast Science, Awang Mohammad Zul 'Aym Ruwaify bin Mohammad Zahreen dalam Kategori 'A' (Pelajar Terbaik dengan 9 Kepujian).

Sementara itu, bagi Kategori 'B' pula seramai enam pelajar mendapat keputusan 7 A's dan 9 O's; dan 9 pelajar dalam

Kategori 'C' mendapat keputusan sekurang-kurangnya 5 A's.

Dalam Kategori 'D' pula, seramai 10 pelajar mendapat keputusan sekurang-kurangnya 3 A's; dan 20 pelajar dalam Kategori 'E' mendapat keputusan sekurang-kurangnya 1 A's.

Bagi Kategori F pula, seramai dua pelajar mendapat keputusan sekurang-kurangnya 7 O's; dan enam pelajar dalam Kategori 'G' mendapat keputusan sekurang-kurangnya 5 O's.

Atur cara dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dan lagu rasmi SM YSHHB, diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai, serta bacaan Surah Al-Kahfi, dibacakan oleh pemenang tempat pertama pada Pertandingan Tilawah Membaca Al-Quran di antara Sekolah-sekolah Kali Ke-37, 2021, Awang Muhammad Zaim Al-Muzaffar bin Haji Zulaminshaw.

AHLI Lembaga Pengarah YSHHB, Awang Ahmad Jefri bin Abdul Rahman semasa Majlis Penyampaian Anugerah Akademik BC-GCE 'O' Level, yang berlangsung di Dewan Serbaguna, SM YSHHB.

Apa yang perlu saya hadapkan di dalam gambar ujian ART untuk dimuat naik dalam aplikasi Bruhealth?

کمپتنی کھسپت
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH



TAKLIMAT BARIGAKAN KEPENTINGAN ADAT ISTIADAT



Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor /Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 19 November. - Perkataan adat berasal daripada bahasa Arab, 'adah yang bererti kebiasaan atau sesuatu perbuatan yang dilakukan secara berulang-ulang lalu menjadi sesuatu kebiasaan yang tetap dan dihormati orang.

Sepertimana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam iaitu "Adat adalah

tunggak institusi raja dan bangsa. Ia perlu didukung dan diperkuuh. Bukan dibiar kan layu dan lemah. Ia bukan milik satu-satu golongan, iaitu golongan diraja sahaja, tetapi milik bersama bangsa di mana semua kita adalah berkewajipan untuk melihatnya kekal berkembang dan unggul" dan titah Tokoh Adat Istiadat Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien yang berbunyi "Adat Istiadat Diraja itu

dari semasa ke semasa hendaklah dibiasakan, dielokan dan diperbaiki untuk disesuaikan dengan keadaan zaman tanpa mengubah keasliannya".

Perkara tersebut merupakan antara perisian yang disampaikan oleh Pegawai Adat Istiadat, Jabatan Adat Istiadat Negara, Awang Mohammad Zaizul bin Haji Daud menyampaikan taklimat bertajuk 'Terasul dan Bahasa Pengganti Diri (Bahasa Dalam)' kepada peserta-peserta Program Belia Intelek Kali Ke-2 anjuran Pusat Da'wah Islamiah melalui Urusetia Program Keugamaan Belia dengan kerjasama Jabatan Adat Istiadat Negara, Jabatan Perdana Menteri (atas dan kiri).

Urusetia Program Keugamaan Belia dengan kerjasama Jabatan Adat Istiadat Negara, Jabatan Perdana Menteri yang berlangsung di Dewan Teater, Bahagian Pemberigaan, Tingkat 2, Bangunan Jabatan Adat Istiadat Negara.

Seramai 70 peserta telah menghadiri program tersebut, terdiri daripada kalangan pegawai dan kakitangan Pusat Da'wah Islamiah, para penuntut daripada Institusi-institusi Pengajian Tinggi dan kumpulan-kumpulan belia yang berdaftar di bawah Program Keugamaan Belia, Kementerian Hal Ehwal Ugama khususnya serta belia-belia di seluruh Negara Brunei Darussalam amnya.

Rombongan seterusnya turut

diberikan taklimat mengenai Lapau yang disampaikan oleh Pegawai Penyelidik, Awang Muhammad Zaim bin Mahmud, diikuti dengan lawatan ke Bangunan Lapau.

Program ini merupakan aktiviti tahunan diungkayahkan oleh Urusetia Program Keugamaan Belia dalam memartabatkan, menanai dan meningkatkan kepentingan falsafah serta konsep Melayu Islam Beraja kepada para peserta terutama para belia yang kehidupan beragama, bermasyarakat dan bernegara di samping mengeratkan silaturahim dan ukhuwah di antara sesama belia serta melahirkan belia yang berilmu kreatif dan inovatif.



PEGAWAI Adat Istiadat, Jabatan Adat Istiadat Negara, Awang Mohammad Zaizul bin Haji Daud menyampaikan taklimat bertajuk 'Terasul dan Bahasa Pengganti Diri (Bahasa Dalam)' kepada peserta-peserta Program Belia Intelek Kali Ke-2 anjuran Pusat Da'wah Islamiah melalui Urusetia Program Keugamaan Belia dengan kerjasama Jabatan Adat Istiadat Negara, Jabatan Perdana Menteri (atas dan kiri).



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Tawaran Rancangan Pemakanan Sekolah

Bilangan Tawaran :
MOE / LTK / 81 / 2022 / 2023
[ICT-NOV-2022]

Tajuk Tawaran :
The Development, Supply, Delivery, Installation, Testing, Commissioning, Warranty And Maintenance Of The Lifelong Learning Management System (L3MS), For Lifelong Learning Centre For Ministry Of Education, Brunei Darussalam

Bayaran Yuran Tawaran :
BND35.00(Tidak dikembalikan)
[BND30.00 - Bayaran Yuran]

Tawaran dan BND5.00 -
E-Dokumen tidak dikembalikan]**Information Day :**
Rabu, 7 Disember 2022**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :**
Selasa, 6 Disember 2022
Jam 3.00 Petang**Tarikh Tutup Tawaran :**
Selasa, 27 Disember 2022
Jam 2.00 PetangJABATAN
PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI

Tajuk Tawaran :
Flight Calibration for Air Navigation Facilities ATELS / 2022 / LTK-01

Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Tawaran :
Rabu, 16 November 2022

Tarikh Terakhir Mengambil**Dokumen Tawaran :**
Isnin, 28 November 2022**Tarikh Tutup Tawaran :**
Selasa, 29 November 2022PUSAT DA'WAH ISLAMIAH
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

Bilangan Sebut Harga :
(34) KHEU.PDI 300-001 JILID 26

Tajuk Sebut Harga :
SEBUT HARGA UNTUK
MENCETAK SURAT BERITA
MUSLIMIN

Bilangan Sebut Harga :
(35) KHEU.PDI 300-001 JILID 26

Tajuk Sebut Harga :
SEBUT HARGA UNTUK
MENCETAK MAJALAH
AULADUNA

**Bilangan Sebut Harga :**
(36) KHEU.PDI 300-001 JILID 26

Tajuk Sebut Harga :
SEBUT HARGA UNTUK
MENCETAK MAJALAH
AL-HUDA

Bayaran Sebut Harga : BND5.00
Tarikh Tutup Sebut Harga :
Rabu, 14 Disember 2022,
Jam 2.00 Petang

Meteorological Department'

Bilangan Tawaran :
JKBD / 2022 / SH-11

Tarikh Tutup :
Rabu,
7 Disember 2022



جایزه کاجی جواہر ون دال اسلام
BDMD
Brunei Darussalam Meteorological Department
JABATAN KAJICUACA
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI

Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi Negara Brunei Darussalam

TAWARAN BAGI

'The Supply, Delivery, Installation and Testing Of Campbell Stoke Sunshine Recorder (Including Cards) For The Brunei Darussalam

JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DI DALAM

Kelas :
V & VI SAHAJA**Kategori :**
KA01 - KOD BAHARUJABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DI DALAM

Kelas :
III, IV DAN V SAHAJA**Kategori :**
KA01 & M03 SAHAJA - KOD BAHARU**Bilangan Tawaran :**JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**Bilangan Sebut Harga :**
1. (111)JBS / ADM / QC / 2022

Keterangan :
MEMBEKAL DAN
MENGHANTAR PERALATAN
KELENGKAPAN SUKAN BAGI
KOMPLEKS-KOMPLEKS
DI BAWAH JABATAN BELIA
DAN SUKAN DI KEEMPAT-
EMPAT DAERAH

1. NET BOLA SEPAK
2. NET BOLA JARING
3. NET HOKI
4. NET FUTSAL
5. NET BADMINTON
6. NET SEPAK TAKRAW
7. NET BOLA TAMPAR
8. NET BOLA KERANJANG
9. NET TENNIS
10. NET PING PONG
11. TIANG CORNER BOLA
SEPAK BERSERTA
BENDERA

Bilangan Sebut Harga :
2. (112)JBS / ADM / QC / 2022

Keterangan :
MEMBEKAL DAN
MENGHANTAR PASIR LAUT
YANG SUDAH BERSIH BAGI
KOMPLEKS-KOMPLEKS
DI BAWAH JABATAN BELIA
DAN SUKAN DI KEEMPAT-
EMPAT DAERAH

Bilangan Sebut Harga :
3. (113)JBS / ADM / QC / 2022**Bilangan Tawaran :**
JKR / DDS 020 / 2022 -
(CDE).T.V

Nama Projek :
KONTRAK PENGGAL
(2023-2026) PEMELIHARAAN
SALIRAN DAN KOLAM BAGI
KAWASAN 2 BRUNEI MUARA
(SEBELAH BARAT)

Yuran Tawaran :
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen :
BND5.00

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada :**
Selasa,
13 Disember 2022



Tarikh Tutup :
Selasa,
27 Disember 2022,
Tidak lewat dari jam
2.00 Petang



Tarikh Tutup :
Selasa,
27 Disember 2022,
Tidak lewat dari jam
2.00 Petang

Keterangan :
MEMBEKAL DAN
MENGHANTAR KERUSI
CHROME BERSERTA SARUNG
DAN MEJA BULAT SERTA
LAPIK BAGI
KOMPLEKS-KOMPLEKS
DI BAWAH JABATAN BELIA
DAN SUKAN

Bilangan Sebut Harga :
4. (114)JBS / ADM / QC / 2022

Keterangan :
SUPPLY AND INSTALL NEW
FENCING AT BERAKAS
SPORTS COMPLEX,
MINISTRY OF CULTURE,
YOUTH AND SPORTS

Bilangan Sebut Harga :
5. (115)JBS / ADM / QC / 2022

Keterangan :
SUPPLY, DELIVER AND
REPLACE CHLORINATION
SYSTEM AT TEMBURONG
SWIMMING POOL BATU APOI
SPORTS COMPLEX



Country Planning,
Ministry Of Development

Bilangan Sebut Harga :
02 / 2022 / 2023

Tajuk Sebut Harga :
The Supply And Delivery Of
GIS 3D Analyst And Arcgis Pro
For Department Of Town And
Country Planning,
Ministry Of Development

Tarikh Tutup :
Selasa, 29 November 2022
Tidak lewat dari
jam 2.00 Petang



MAHKAMAH TINGGI
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM

KES NO. BCY / CP / 60 / 2020

BIBD AT-TAMWIL BERHAD
- Pemutang / Pemelisyen

AWANG ABDUL AZIM
BIN AWANG HAJI MAIDIN
(Kad Pengenalan Brunei No.:
01-037872 - Kuning)
- Pengutang / Penentang

**NOTIS PERINTAH
PENGHUKUMAN**

SILA ambil perhatian bahawa :

a. Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Pengutang yang berikut pada **13 Oktober 2022**.

Nama dan alamat Bankrap :
AWANG ABDUL AZIM BIN AWANG HAJI MAIDIN
No. 25, Spg. 479-54,
Jalan Wasai Limuru,
Kampung Tanah Jambu,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Permohonan :
12 Ogos 2022

b. Semua Sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
26 Oktober 2022

NUUROR-RAHEEBAH
BINTI HAJI ABD WAHAB
Timbalan Pegawai

Penerima Rasmi
B/P Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

KES NO. BCY / CP / 457 / 2010

BAIDURI BANK BERHAD
- Pemutang / Pemelisyen

MUHD ERWAN BIN AMAN
(Kad Pengenalan Brunei :
00-317297 - Kuning)

**NOTIS PERINTAH
PENGHUKUMAN**

SILA ambil perhatian bahawa :

a. Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Pengutang yang berikut pada **13 Oktober 2022**.

Nama dan alamat Bankrap :
MUHD ERWAN BIN AMAN
Lot No. 3012, Simpang 599,
Kg. Salar, Jalan Muara,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Permohonan :
9 September 2022

b. Semua Sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
19 Oktober 2022

NURUL HIDAYAH
BINTI HAMDAN
Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi
B/P Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

KES NO. BCY / CP / 365 / 2017

BANK ISLAM BRUNEI
DARUSSALAM BERHAD
- Pemutang / Pemelisyen

Testing And Commissioning Of
The Anchorage Marine Buoys
Complete With Mooring
System And Marking At
Designated Commercial
Fishing Vessel Anchorage
Area"

Bilangan Sebut Harga :
IKAN / 78(Q) / 0034 / 2022

Tajuk Sebut Harga :
"To Construct And Install Of
Seawater Intake Sump At
Keramut Farm Site"

Tarikh Tutup :
Khamis,
1 Disember 2022,
Jam 2.00 Petang

Bilangan Sebut Harga :
IKAN / 78(Q) / 0032 / 2022

Tajuk Sebut Harga :
"Repair Works Of Concrete
Boat Ramp And Extension
Parking Area At Kampung
Buda-Buda Slipway, Temburong
District, Department Of
Fisheries"

Bilangan Sebut Harga :
IKAN / 78(Q) / 0033 / 2022

Tajuk Sebut Harga :
"Supply, Delivery, Install,



IKLAN

HARI ISNIN 21 NOVEMBER 2022

15

dibuat terhadap Pengutang yang berikut pada **11 Ogos 2022**.

(BYIC No. : 00-256953)

**NOTIS PERINTAH
PENERIMAAN**

SILA ambil perhatian bahawa :

a. Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Pengutang yang berikut pada **15 September 2022**.

**Nama dan alamat terakhir
diketahui :**

AZMAN BIN HAJI AHMAD
No. 156A, Spg. 1761-152,
Kg. Tanjung Nangka,
Jalan Tutong,
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Petisyen :

14 Julai 2021

b. Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Pengutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Pengutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
29 Oktober 2022

**MUHAMMAD MARZUQI
BIN SABTU**
Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi
B/P Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

KES NO. BCY / CP / 585 / 2019

**PERBADANAN TABUNG
AMANAH ISLAM BRUNEI**
- Pemutang Penghakim /
Pemelisyen

**HAJI SUHAIMI
BIN HAJI JULAIHI**

Tarikh :
19 September 2022

**MUHD MUZAKKIR
BIN HAJI ZAKARIA**
Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

KES NO. BCY / CP / 168 / 2021

**PERBADANAN TABUNG
AMANAH ISLAM BRUNEI**
- Pemutang Penghakim /
Pemelisyen

AZMAN BIN HAJI AHMAD
(BYIC No. : 00-121509)

**NOTIS PERINTAH
PENERIMAAN**

SILA ambil perhatian bahawa :

a. Satu Perintah Penerimaan telah

PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN)



IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan TIDAK kurang dari dua (2) minggu sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca juga menggunakan Microsoft Word dengan Font ARIAL saiz 12.



Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkaitan, seperti tarikh dijangka terbit, kekerapan terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.



Iklan berkaitan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pbe@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :
+673 8622969

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBungi
MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



365 pelajar SMALHB diraikan pada Majlis Khatam Al-Quran



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad, Ihsan Sekolah
Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah

BANDAR SERI BEGAWAN,
Sabtu, 19 November. - Seramai 365 pelajar Pra U2 Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah (SMALHB) terdiri daripada 140 lelaki dan 225 pelajar

perempuan pelajar diraikan dalam Majlis Khatam Al-Quran, hari ini.

Majlis berlangsung di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis / Madang itu dihadiri oleh Ketua



Bahagian Sekolah Arab di Jabatan Pengajian Islam, Pengiran Mohamad Aminuddin bin Pengiran Haji Hussin selaku tetamu kehormat majlis.

Sejurus ketibaan tetamu kehormat, majlis dimulakan dengan bacaan Selawat Tafriyyah, Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatiha, diikuti doa

sebelum membaca Al-Quran.

Para peserta khatam seterusnya memulakan bacaan surah-surah Al-Quran mulai dari Surah Ad-Duha sehingga Surah Al-Masad.

Majlis diserikan dengan bacaan Takhtim dan Dikir Ashraqal serta disusuli dengan Doa Khatam, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam serta Doa

PARA pelajar Pra U2 Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah menerima sijil masing-masing daripada Ketua Bahagian Sekolah Arab di Jabatan Pengajian Islam, Pengiran Mohamad Aminuddin bin Pengiran Haji Hussin pada Majlis Khatam Al-Quran (kiri sekali dan kiri).

Memohon Perlindungan Daripada Wabak COVID-19.

Adapun objektif majlis tersebut antara lain memberikan semangat dan menanamkan rasa cintakan Al-Quran dalam jiwa pelajar dan mengeratkan silaturahim dalam kalangan warga SMALHB dan sebagai tanda kesyukuran ke hadrat Allah setelah para pelajar menamatkan pengajian mereka di samping memohon doa dan berkat daripada Al-Quran agar semua pelajar akan beroleh kejayaan dalam peperiksaan STPUB dan peringkat seterusnya.

Majlis itu juga diharap akan memberikan semangat kepada pelajar untuk sentiasa mencintai dan mendampingi Al-Quran serta boleh mengeratkan hubungan silaturahim di antara semua pihak.

PUISI TAUBAT

Ini adalah "khazanah"
- satu-satunya -
hanya milik Allah.
Pintunya tidak pernah tertutup
kecuali apabila
matahari terbit dari barat.
Untuk siapa khazanah ini?
Untuk kita para hamba
ya, untuk kita para hamba.
Dengan segala kemurahan-Nya
Allah sediakan ia
untuk kita masuki.
Ya, siapa saja
Para hamba yang berdosa,
masuklah! Jangan berlengah lagi
Allah sedia menerimanya,
dan mintalah keampunan
nescaya diampunkan.
Jangan tunggu lagi lama-lama
kerana kita tidak tahu
bilakah menjelma,
adapun hujung hayat itu
tidak siapa yang mengetahuinya,
kerana itu perlu cepat
untuk bertaubat.
Taubat adalah jalan suci
jangan siapa
yang berfikiran negatif
mengenainya,
tetapi berfikirlah positif
bahawa Allah pasti menerima
taubat siapa saja,
sebagaimana maksud jaminan-Nya
dalam Surah Az-Zumar
ayat 53 :
"Wahai hamba-hambaKu
yang melampaui batasan,
janganlah kamu berputus asa
dari rahmat Allah,
sesungguhnya Allah
mengampuni segala dosa".
Kemudian Nabi kita juga
ada bercerita
dalam hadits Baginda :
Tentang seorang lelaki Bani Israel
yang telah membunuh 99 jiwa,
tiba-tiba sahaja
si pembunuh ini
teringat kepada api neraka
yang menjadikannya
benar-benar takut...
takut dihukum oleh Allah
dengan menghumbankannya

ke dalam neraka yang bernyala-nyala.
Lalu, dia pun ingin bertaubat
tetapi hatinya ragu,
adakah Allah bersedia
untuk mengampunkannya?
Disarankan kepada dia
supaya berjumpa rahib
(ahlai ibadat yang bertapa
di dalam kuil)
dan mintalah pendapatnya
dengan bertanya :
"Wahai rahib,
aku telah membunuh 99 nyawa
masih bolehkah aku bertaubat?"
Menjawab rahib :
"Tidak ada taubat untukmu".
Mendengar ini,
lelaki pembunuh merasa hampa
dunia jadi gelap di hadapan matanya
lalu dihayunnya pedangnya
membunuh si rahib,
maka genaplah 100 nyawa
yang dibunuhnya.
Namun dia tetap saja
dahaga kepada taubat,
lalu disarankan pula
untuk berjumpa dengan ulama
bagi mendapatkan pencerahan.
Berkatalah lelaki:
"Wahai ulama,
aku telah membunuh 100 nyawa
apa masihkah aku boleh bertaubat?"
Menjawab ulama :
"Siapa yang menghalangimu
untuk bertaubat?
Pintu Allah tetap terbuka
untukmu. Masukilah!"
Lelaki jahat cepat menyahut :
"Ketahuilah, aku bertaubat
memohon ampun kepada Allah".
Kemudian lelaki
memberitahu ulama
bahawa dia tinggal
di kampung yang jahat,
orang yang lemah iman
kalau tinggal di sini,
akan mudah melakukan
macam-macam maksiat.
Maka ulama pun mencadangkan
supaya lelaki ini
meninggalkan saja kampungnya
dan berhijrah
ke kampung yang baik / mulia.

Lelaki menerima cadangan
dan dengan senang hati
bergegas pergi
ke kampung yang baik / mulia.
Tetapi sayangnya,
di tengah perjalanan...
sakaratul maut
datang menjemput,
namun lidahnya sempat mengucap
"Laa ilaaha illallaah".
Maka datanglah dua Malaikat,
iaitu :
Malaikat Rahmat dan Malaikat Azab
untuk mengambil rohnya
dari Malaikat Maut,
tetapi tidak mudah
kerana telah terjadi
pertelingkahan yang sangat
di antara dua Malaikat ini.
Malaikat Rahmat berkata :
"Dia telahpun bertaubat
dan baru saja
menjual dirinya untuk Allah,
dia sedang menuju
kehidupan berkat,
maka akulah yang berhak ke atasnya".
Menjawab Malaikat Azab :
"Tidak! Dia sama sekali
BELUM PERNAH melakukan
sebarang amal salih :
Dia belum pun pernah sujud
dia belum pun pernah shalat
dia belum pun pernah berzakat
dia belum pun pernah berpuasa
dia belum pun pernah bersedekah,
maka akulah yang lebih berhak
untuk membawanya ke neraka".
Sehingga Allah terpanggil
untuk mengutus Malaikat
dari langit
untuk jadi pemutus.
Malaikat itu berkata :
"Bertenang...keputusan
adalah di tanganku.
Pergilah kamu ukur
dari jarak tempat dia mati
ke tempat buruk yang ditinggalkannya
dan ke tempat baik yang ditujunya,
mana lebih dekat
dari tempat dia mati itu,
adakah tempat buruk lebih dekat
atau tempat baik lebih dekat,
cuba bandingkan.

Jika mana yang lebih dekat
bererti di situ lah posisinya.
Lalu, kedua Malaikat pun
segera mengukur jarak
sementara Allah pula
mewahyukan kepada tanah
(tempat kampung buruk)
supaya menjauh,
dan tanah
(tempat kampung baik)
supaya mendekat.
Akhirnya,
dua Malaikat mendapat
jarak tempat lelaki itu mati
adalah lebih dekat
kepada kampung yang baik,
makanya, Malaikat Rahmatlah
yang shah lebih berhak
untuk membawanya ke syurga.
Nah, ternyata di sini
si rahib tidak mengerti
berbanding ulama.
Si rahib mahu
menutup pintu
yang telah dibuka oleh Allah,
si rahib mahu
memotong tali
yang telah dibentang oleh Allah,
si rahib mahu
menghentikan titisan hujan
yang telah diturunkan oleh Allah,
si rahib mahu
menutup jalan keluar
yang telah disediakan oleh Allah.
Berbeza ulama,
dia faham Allah Maha Pemurah
dia faham Allah Maha Pengasih
dia faham Allah Maha Pengampun
dia faham Allah Maha Penyantun
dia faham Allah Maha Penyelamat
pada hari di mana
harta dan anak-cucu
sudah tidak berguna lagi
kecuali orang-orang yang datang
dengan hati bersih suci.

ADI RUMI,
Garden City Hotel,
Kingdom of Cambodia.
13 November 2022.

IMBASAN MINCIJUAN

PENGIRAAN kertas undi pada Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung bagi Kampung Pancha Delima dan Orang Kaya Besar Imas, Mukim Berakas 'A', yang diadakan di Dewan Sekolah Rendah Pulaie.

- Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

AKSI seorang peserta pada Pertandingan Mari Bercerita 2022, di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS). - Foto : Masri Osman.



SEBAHAGIAN daripada mereka yang hadir pada Majlis Pelancaran Hari Strok Sedunia 2022. - Foto : Azmah Haji Ahad.

SEBAHAGIAN daripada peserta Program Masyarakat Bermaklumat (PMB), yang terdiri daripada Jemaah Muslimah Masjid Hassanal Bolkiah Rancangan Perumahan Negara Kampung Mentiri, Jemaah Muslimah Masjid Kampung Sungai Bunga dan Jemaah Muslimah Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah Kampung Sungai Akar membuat lawatan di Jabatan Bomba dan Penyelamat, Lapangan Terbang Lama Berakas, iaitu Balai Bomba, Unit Operasi Wanita, Cawangan Operasi 'C', untuk mengetahui peranan dan tugas serta tanggungjawab jabatan berkenaan. - Foto : Hamzah Mohidin.



AKSI perlawanan suku akhir kedua Piala FA Brunei 2022 di antara DPMM FC menentang Indera SC, yang berkesudahan DPMM FC mara ke separuh akhir Piala FA Brunei 2022 setelah berpesta gol dan mengalahkan Indera SC dengan jaringan 0 - 8, di Padang dan Balapan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas. - Foto : Hamzah Mohidin.

509 belia sertai PKBN Pengambilan Ke-11



KOMANDAN Kem PKBN, Mejari (B) Haji Mohammad bin Dollah semasa menyampaikan taklimat kepada bakal-bakal pelatih Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Ke-11.

BERAKAS, Sabtu, 19 November. - Seramai 509 bakal-bakal pelatih terdiri daripada 363 orang lelaki dan 146 orang perempuan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Ke-11 hari ini menghadiri Sesi Taklimat Pra-Latihan yang berlangsung di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

Taklimat berkenaan bertujuan untuk memberikan penjelasan terhadap latihan-latihan dan aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan oleh para pelatih selama tiga bulan ataupun 103 hari nanti.

Di samping itu juga ibu bapa dan penjaga serta bakal pelatih akan diterangkan tentang barang keperluan yang perlu dibawa oleh para pelatih ke Kem Latihan PKBN Batu Apoi, Daerah Temburong serta penyediaan kemudahan-kemudahan yang akan disediakan kepada bakal pelatih di sepanjang latihan yang disampaikan oleh Komandan Kem PKBN, Mejari (B) Haji Mohammad bin Dollah.

Sesi diteruskan dengan Taklimat Perjanjian Ibu Bapa yang menerangkan mengenai

peraturan-peraturan dan juga undang-undang yang perlu dipatuhi oleh setiap pelatih semasa

menjalani latihan di Kem Latihan PKBN, Batu Apoi, Temburong, Negara Brunei Darussalam.

Berita dan Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

Sesi terakhir pula adalah sesi soal jawab yang bertujuan untuk memberikan peluang kepada ibubapa untuk memberikan sebarang pertanyaan sekiranya terdapat perkara-perkara yang perlu penjelasan lanjut.

PKBN adalah program khas pembangunan belia kebangsaan yang memfokuskan kepada pembinaan jati diri ke arah ketahanan dan kekuatan mental, fizikal dan kerohanian mengikut lunas-lunas budaya, kenegaraan dan agama.

Pelatih diasuh dan didedahkan dengan kerja-kerja kemasyarakatan dan semangat keusahawanan untuk menjadikan mereka sebagai individu dan

golongan yang prihatin akan kebaikan dan kesejahteraan masyarakat sekeliling di samping mempunyai keyakinan diri, semangat berdikari dan berusaha gigih bagi mencapai kecemerlangan dalam kehidupan.

Dengan adanya ilmu pengetahuan dan pengalaman yang diperolehi semasa mengikuti PKBN diharaskan mereka menggunakan dalam kehidupan berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara agar menjadi generasi belia yang bertanggungjawab, berdisiplin, dinamik, bersatu padu, cekal, menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara dan memperkuatkkan ketahanan nasional.



ANTARA bakal-bakal pelatih PKBN yang hadir semasa sesi taklimat di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.



PEGUAM Syar'ie dan Mediator Bertauliah, Awang Mohamad Affendi bin Haji Junaidi, salah seorang penceramah undangan, semasa menyampaikan taklimat pada Bengkel Kesihatan Reproduktif bagi Persatuan Ibu Bapa dan Guru.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 18 November. - Sexually Transmitted Infections (STIs) atau Jangkitan Hubungan Kelamin dan kehamilan remaja adalah antara topik yang sangat sukar untuk dibincangkan secara terbuka di negara kita.

Walaupun terdapat sedikit penerangan yang diterapkan dalam pendidikan Sains di sekolah menengah, ia masih belum mencukupi untuk memberikan

pendedahan kepada belia remaja mengenai pelbagai risiko penyakit kelamin akibat daripada kelakuan seksual pada peringkat awal.

Pelbagai intervensi atau aktiviti juga telah pun dilakukan oleh pelbagai pihak berkepentingan seperti Kementerian Kesihatan; Kementerian Pendidikan; Pusat Da'wah Islamiah; Jabatan Pembangunan Masyarakat dan Majlis AIDS Brunei Darussalam namun, statistik kesihatan masih

40 AHLI PIBG HADIRI BENGKEL KESIHATAN REPRODUKTIF

Berita dan Foto : Kementerian Kesihatan

lagi menunjukkan peningkatan kes STIs dan kehamilan remaja dalam kalangan golongan remaja dengan kes STIs berlaku seawal usia 13 tahun dan kes kehamilan remaja berlaku seawal usia 11 tahun.

Memandangkan negara kita sebagai sebuah negara Islam, hal berkenaan menggambarkan satu perkara yang sangat serius dan perlu ditangani dengan segera.

Oleh yang demikian, selaras dengan inisiatif 11 di bawah Gol Strategik 1 Pelan Strategi Kementerian Kesihatan 2019 - 2023, iaitu Establish Adolescent Health Strategy and Services, Pusat Promosi Kesihatan merancang akan menjalankan A.C.E Youth Project (A - Active and Admirable, C - Charismatic and E - Excellent) mulai bulan November 2022 hingga April 2023.

Projek berkenaan direka untuk membimbing para remaja seawal umur 9 tahun hingga 18 tahun tentang kesihatan reproduktif termasuklah penjagaan diri dari segi rohani dan jasmani, pelbagai tip untuk mengelakkan diri daripada terjerumus dengan pelbagai gejala sosial serta ketegasan dalam membuat keputusan.

Projek berkenaan terbahagi

kepada tiga bahagian dan salah satu daripadanya ialah Bengkel Kesihatan Reproduktif bagi Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG).

Seramai 40 ahli PIBG menghadiri bengkel berkenaan pada hari ini dengan objektif untuk membarigakan maklumat mengenai kesihatan reproduktif termasuklah statistik STIs dan kehamilan dalam kalangan remaja di Negara Brunei Darussalam; membincangkan bersama-sama pelbagai cara untuk menangani isu berkenaan dan membantu para ibu bapa mempersiapkan diri untuk berbincang secara terbuka dengan anak-anak mereka mengenai pelbagai perkara yang berkaitan dengan kesihatan reproduktif.

Antara aktiviti bengkel pada sesi pagi ialah taklimat mengenai 'Kes Kehamilan Remaja Di Sekolah dan Cara Menangainya' yang disampaikan oleh Pemangku Ketua Unit Kesejahteraan dan Perkembangan Pelajar, Unit Kesejahteraan Hal Ehwal Pelajar, Jabatan Sekolah-sekolah, Kementerian Pendidikan, Dayang Siti Hajar binti Haji Khamis. Sementara taklimat mengenai

'Kesan Kehamilan dan Jangkitan STIs Di Usia Muda Pada Kesihatan' disampaikan oleh Pegawai Perubatan Kanan, Pusat Promosi Kesihatan (PPK), Kementerian Kesihatan, Dr. Dayang Hajah Norol-Ehsan binti Haji Abd Hamid.

Selain itu juga, taklimat 'Camana Tah Tu?' telah pun disampaikan oleh penceramah undangan, Kaunselor Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Awang Haji Ali Yusri bin Abdul Ghafor.

Manakala taklimat mengenai 'Remaja, Belia dan Undang-undang' disampaikan oleh penceramah undangan, Peguam Syarie dan Mediator Bertauliah, Awang Mohamad Affendi bin Haji Junaidi.

Acara diteruskan lagi dengan aktiviti perbincangan secara berkumpulan dan pembentangan secara berkumpulan.

Hadir untuk mendengarkan resolusi daripada perbincangan berkumpulan berkenaan, Ketua PPK, Kementerian Kesihatan, Dr. Dayang Hajah Norhayati binti Haji Md. Kassim.

Acara diakhiri dengan penyampaian sijil kepada para peserta bengkel.

PANTAU KEBAJIKAN, PATUHI PERATURAN



PEMERIKSAAN atas kegiatan kedai makan di Kampung Beribi mendapati kesalahan-kesalahan, di bawah Perintah Pekerjaan, 2009 yang dilakukan oleh majikan (atas dan bawah).

Siaran Akbar dan Foto : Jabatan Buruh

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 19 November. - Bahagian Operasi Sejahtera 194/2022, di Kampung Beribi, pada 12



November 2022, bertujuan untuk menguatkuasakan Perintah Pekerjaan, 2009 serta memastikan hal ehwal kebajikan pekerja sentiasa terjaga.

Pemeriksaan atas kegiatan kedai makan di Kampung Beribi mendapati kesalahan-kesalahan, di bawah Perintah Pekerjaan, 2009 yang dilakukan oleh majikan, iaitu Bab 112(2), majikan mengarahkan pekerja untuk bekerja bersama syarikat lain dari majikan sah dan membuat pekerjaan lain dari jawatan sah serta Bab 10, majikan tidak menyediakan kontrak perkhidmatan kepada pekerja secara bertulis.

Jika sabit kesalahan, majikan boleh dikenakan denda kompaun sebanyak BND600 bagi kesalahan pertama dan BND900 bagi kesalahan kedua.

Manakala bagi kesalahan yang ketiga, majikan akan dihadapkan ke mahkamah dan jika sabit kesalahan, majikan akan dikenakan denda tidak melebihi BND3,000, penjara tidak melebihi 1 tahun atau kedua-duanya sekali.

Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebajikan pekerja, selaras dengan kehendak Perintah Pekerjaan, 2009, seperti penyediaan kontrak pekerjaan dan pembayaran gaji tepat pada waktunya.

Para majikan adalah dinasihatkan untuk tidak menyalahgunakan Lesen Pekerja Asing dan melanggar akta di bawah Perintah Pekerjaan 2009.

Untuk makluman lebih lanjut, bolehlah berhubung bersama Jabatan Buruh menerusi talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).

55 pain darah berjaya dikumpul

Berita dan Foto : Noraisah Haji Muhammed

LUMUT, Jumaat, 18 November. - Kempen Derma Darah merupakan sebahagian daripada inisiatif Jabatan Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar (HSD) BMC bagi menyokong dan menambah keperluan bank darah di Negara Brunei Darussalam.

Sehubungan itu, Syarikat Brunel Methanol Sdn. Bhd. (BMC) menganjurkan Kempen Derma Darah buat kali kedua dengan kerjasama Jabatan Makmal Hospital Suri Seri Begawan Kuala Belait yang diadakan di Dewan Serbaguna Kelab Rekreasi Liang Lumut (LLRC).



membuat perubahan dalam kehidupan yang lain.

Beliau juga turut menggalakkan komuniti yang sihat dan layak yang tidak pernah menderma darah akan dapat menyumbang kepada tindakan kemanusiaan yang mulia dalam menyokong usaha Kementerian Kesihatan.

Pada kempen tersebut, Pelita Brunei berkesempatan untuk menemu bual Pengurus Am BMC, Bahagian Health Safety Security Environment (HSSE), Pengiran Mohamad Supri bin Pengiran Haji Chuchu.

Beliau menyatakan bank darah negara amat memerlukan stok bekalan darah dan pada musim endemik merupakan masa yang amat sesuai bagi para penderma darah untuk tampil menderma dalam sama-sama menyelamatkan nyawa di samping menjaga kesihatan diri.

Sementara itu, temu bual bersama penderma darah jenis 'O', iaitu Awang Johari Kassim, berusia 48 tahun, berkata beliau menyertai Kempen Derma Darah pada kali ini buat kali keempat dan beliau memilih untuk menderma darah selagi kesihatannya masih mengizinkan untuk berbuat sedemikian.

Manakala bagi Awang Haji Jamaludin bin Haji Mohammad Yassin, berusia 59 tahun, yang



Didakwa atas kesalahan miliki, acu senjata berbahaya

Oleh: Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 20 November. - Seorang lelaki tempatan berusia 40 tahun mengaku tidak bersalah dan memohon untuk dibicarakan atas pertuduhan mengacu sabit pada kejadian di sebuah berek di Kuala Belait.

Defendant, Mohamad Bojie bin Haji Mos didakwa memiliki senjata berkenaan di berek, Jalan Dermawangsa, Kuala Belait pada 13 November 2022, jam 9.00 malam.

Defendant juga didakwa melakukan aniaya kerana merosakkan dua buah kereta dengan menggunakan sabit berkenaan, serta didakwa memegang pisau karambit dan sabit di salah sebuah rumah kediaman di Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Kampung Mumong pada 26 Disember 2021.

Defendant juga menafikan pertuduhan memiliki senjata serangan di khalayak ramai, serta dua pertuduhan tambahan berkenaan.

Defendant juga didakwa mengacu sabit di Jalan Dermawangsa pada 13 November 2022, jam 9.00 malam.

Majistret Dewi, Norlelawati binti Haji Abdul Hamid memerintahkan defendant untuk ditahan reman dan menangguhkan kes sehingga 3 Disember 2022 untuk menetapkan tarikh perbicaraan.

Kes dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Nur Zahidah Farhanah binti Abdul Aziz.



SEKITAR Kempen Derma Darah anjuran Syarikat Brunel Methanol Sdn. Bhd. (BMC) (atas dan bawah kiri).

mempunyai darah jenis A+ menderma buat kali ke-17 dan beliau berasa sentiasa terpangil untuk memberi infak menderma kerana Allah dan menurutnya, ia merupakan suatu amalan yang mulia atas dasar tolong menolong dan bersesuaian dengan suruhan Allah Subhanahu Wata'alá untuk berbuat kebajikan.

Turut menderma ialah HSSE Manager BMC, Pengiran Muhd. Ramzi bin Pengiran Haji Zahari, yang mempunyai darah jenis 'B', berharap agar kempen berkenaan akan dapat melahirkan serta meningkatkan kesedaran tentang kepentingan derma darah dalam menyelamatkan nyawa sambil menggalakkan orang ramai memiliki rasa tanggungjawab terhadap masyarakat.

Para penderma berpeluang

untuk mengabadikan kenangan bergambar dan berkongsi keseronokan di stesen foto percuma, dengan harapan membolehkan mereka terus menyokong usaha seumpama berkenaan.

Selain Kempen Derma Darah, beberapa pameran mengenai kesihatan dan ceramah kesedaran kesihatan mental juga turut diadakan dan disampaikan oleh doktor dari Klinik Amir, Awang Ahmad Fairuz Mohamed.

Antara lain isi ceramah berkenaan ialah mendidik orang ramai bagaimana untuk meningkatkan kesihatan mental dan kesejahteraan diri.

BMC berbangga kerana telah menjalankan tanggungjawab sosial dan berharap dapat meneruskan amalan menderma darah pada masa akan datang.

OBJEKTIF 3PSA



Program Penggredan Prestasi Sektor Awam (3PSA) melalui penarafan bintang

Oleh : Jabatan Perkhidmatan Pengurusan
Foto : Jabatan Penerangan

Latar belakang

3PSA merupakan inisiatif berterusan Jabatan Perdana Menteri khususnya Jabatan Perkhidmatan Pengurusan pada menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Perkhidmatan Awam Ke-22 pada 27 November 2014. Program ini dilancarkan secara rasminya pada 28 Mac 2015.

"Beta juga mengalu-alukan usaha Jabatan Perkhidmatan Pengurusan yang sedang giat menjalankan pengauditan pengurusan, bukan sahaja bagi mengetahui kekuatan dan kelemahan pengurusan dalam Perkhidmatan Awam tetapi juga untuk memberikan taraf bintang kepada pengurusan yang memenuhi kriteria-kriteria pengiktirafan. Skop pengauditan ini mencakupi Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) Manual Pengurusan Kerja (MPK), rancangan strategik, program pembaharuan pembaikan serta pengurusan pelanggan".

3PSA juga merupakan sistem penilaian yang memberikan pengiktirafan atau penghargaan kepada agensi kerajaan yang telah berusaha ke arah peningkatan kecekapan, keberkesanan, prestasi dan kualiti penyampaian perkhidmatan.

Objektif 3PSA

Sebanyak enam objektif 3PSA seperti mana dalam Rajah.

Skop penilaian

Penilaian memfokuskan kepada empat

skop yang meliputi pengurusan teras / utama (*core business*) sesebuah agensi, iaitu Strategi dan Perancangan; Dasar dan Perancangan; Sumber Manusia; dan Pemedulian Pelanggan. Skop penilaian ini selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Perkhidmatan Awam Ke-22 pada 24 November 2015, antara lain :

"Pemimpin yang berkualiti bukan sajalah mempunyai wawasan dan hala tuju yang jelas, tetapi juga mempunyai kerajinan dan kesungguhan untuk melakukan apa saja pembaikan atau pembaharuan yang perlu. mereka sanggup turun padang untuk melihat apa-apa yang perlu ditangani dan diperbaiki.

"Inilah sifat pemimpin atau pegawai yang bagus.

"Kejayaan pemimpin atau pegawai dapat diukur dari cara mereka menangani tugas dan membimbing orang-orang di bawah mereka. Ini sangat penting, bagi memastikan segala rancangan dan matlamat dapat dicapai dengan sempurna.

"Dalam aktiviti perekonomian umpannya, warga Perkhidmatan Awam sangat perlu memahami keperluan orang ramai, terutama para usahawan dan pelabur. Mereka ini sentiasa berhajatkan layanan dan pimpinan terbaik, sempurna dan cepat. Jika kita gagal, bererti ini adalah kegagalan kerajaan".

Strategi pelaksanaan 3PSA

Beberapa pendekatan / strategi telah

dilaksanakan bagi penilaian 3PSA yang lebih efektif dan teratur sepetimana Strategi Pelaksanaan 3PSA di Rajah 1. Sebelum penilaian formal 3PSA, bengkel 3PSA akan dilaksanakan terlebih dahulu bagi memperkenalkan serta memberi kefahaman mengenai 3PSA. Sejurus itu peserta bengkel akan melaksanakan *self-assessment* di agensi masing-masing. Manakala, selepas penilaian formal 3PSA, *checkpoint* akan dilaksanakan bagi mengetahui status pelaksanaan cadangan pembaikan yang telah dicadangkan semasa penilaian formal 3PSA dan setelah *validity* penilaian formal 3PSA tamat tempoh tiga tahun, penilaian susulan akan dilaksanakan.

Pencapaian 3PSA
Penilaian 3PSA pada peringkat awal mengutamakan kepada agensi-agensi yang banyak berurusan dengan orang ramai dan seterusnya dilaratkan kepada agensi-agensi lain. Sejak Tahun Kewangan 2016/2017 sehingga Tahun Kewangan 2021/2022, sebanyak 43 agensi telah dilaksanakan penilaian 3PSA termasuk penilaian susulan.

Hasil daripada penilaian dan penelitian tersebut, Jabatan Perdana Menteri telah memberi pengesahan bagi agensi-agensi kerajaan yang memperoleh pencapaian di tahap Baik (3 bintang) dan ke atas untuk menerima anugerah semasa Hari Perkhidmatan Awam (Rajah 2).

Kesimpulan


Dengan terlaksananya 3PSA ini diharap akan memberikan impak yang positif terhadap Perkhidmatan

Awam Negara Brunei Darussalam (NBD), selain menggalakkan pendekatan *results-oriented* dan persaingan sihat antara agensi kerajaan. Sesuai dengan hasrat pengenalannya, 3PSA dapat digunakan sebagai diagnostic tools untuk mengenal pasti kekuatan dan peluang pembaikan (*opportunities for improvement*) serta memberikan preskriptif pembaikan. Ianya juga membantu untuk "menetapkan keutamaan inisiatif dan pelaksanaan penambahaikan dalam sistem pengurusan serta selaku kompas dan menganjurkan *journey towards excellence*.

"Jika kita merancang, maka perancangan itu hendaklah didukung oleh keupayaan sumber manusia dan kemahiran dan cekap, supaya dengan itu dapatlah kita memperolehi hasilnya dengan memuaskan. Supaya perancangan lebih effektif, maka Perkhidmatan Awam perlu mengambil langkah memperkuatkannya lagi *accountability* dalam pentadbirannya. Melalui ini, ia dapat diharapkan untuk menerapkan 'budaya prestasi' atau *performance culture* dalam Perkhidmatan Awam itu".

(Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Keputeraan baginda yang Ke-69 tahun pada 15 Ogos 2015).

Sebagai kesimpulan, 3PSA berfungsi sebagai peranti untuk menilai tahap prestasi dan kualiti Perkhidmatan Awam secara keseluruhannya, ianya juga akan dapat membuka peluang agensi Kerajaan NBD untuk bersaing dan mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa dan sebagai platform ke arah meningkatkan prestasi pencapaian indeks serantau dan antarabangsa seperti Government Effectiveness Index.



Rajah 2 : Senarai Jabatan Mendapat Sijil Pengiktirafan



Anugerah Inovasi Perdana (AIP) 2022

Oleh : Jabatan Perkhidmatan Pengurusan
Foto : Jabatan Penerangan

Mukadimah

PROGRAM Anugerah Inovasi Perdana atau ringkasnya AIP adalah merupakan salah satu inisiatif yang diperkenalkan oleh Jabatan Perdana Menteri melalui Jabatan Perkhidmatan Pengurusan dan Institut Perkhidmatan Awam. Program ini melibatkan penelitian semula Program Inovasi dalam Perkhidmatan Awam di bawah Rangka Kerja Perkhidmatan Awam (RKPA) yang menyumbang kepada pencapaian indeks keberkesanan kerajaan, di samping membantu ke arah pemberian perkhidmatan yang cemerlang untuk mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035.

Program AIP ini adalah bertujuan untuk memberikan penghargaan dan pengiktirafan kepada agensi kerajaan secara berkumpulan dan perseorangan yang berhasil melaksanakan usaha-usaha penambahbaikan dan pembaharuan (inovasi) dalam Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam (NBD) secara amnya dan mendukung pencapaian strategi organisasi secara khususnya.

Tumpuan

Matlamat AIP adalah untuk :

- Menggalakkan inovasi dalam urus tadbir baik (*good governance*) dalam Perkhidmatan Awam;
- Menghargai keunggulan dan kecemerlangan dalam Perkhidmatan Awam;
- Memotivasi pegawai / kakitangan Perkhidmatan Awam untuk lebih mempromosikan dan menggalakkan inovasi;
- Meningkatkan profesionalisme dalam Perkhidmatan Awam;
- Meningkatkan imej Perkhidmatan Awam; dan
- Mengumpulkan dan menyebarluaskan amalan terbaik (*best practices*) untuk dicontohi agensi Perkhidmatan Awam yang lain.

Penyertaan, bidang tumpuan AIP

Pada tahun ini, AIP telah memberikan tumpuan kepada Kertas Projek iaitu projek dilaksanakan yang telah menampakkan hasil dan impak yang besar / positif ke atas

penyampaian perkhidmatan (*service deliverable*) Perkhidmatan Awam. Penyertaan dibuka kepada semua pegawai dan kakitangan Kementerian / jabatan Kerajaan NBD.

Bagi pencalonan Kertas Projek, perlu memfokuskan kepada salah satu daripada empat bidang utama / tumpuan seperti :

- i. Meningkatkan penyampaian Perkhidmatan Awam melalui aplikasi teknologi info-komunikasi dan kaedah-kaedah tertentu, seperti *delivery approach*, perekayaan dan lain-lain;
- ii. Inovasi dalam Perkhidmatan Awam;
- iii. Meningkatkan integriti, ketelusan, akauntabiliti dan tindak balas dalam Perkhidmatan Awam; dan
- iv. Penambahbaikan kualiti proses dalam Perkhidmatan Awam yang menyumbang kepada mempercepatkan urusan-urusan yang berkaitan dengan *Ease of Doing Business* (EODB).

Kriteria, ciri-ciri penilaian kertas projek

AIP 2022 telah menggunakan kriteria dan ciri-ciri yang dijadikan asas penilaian untuk

mengukur kertas projek seperti Rajah 1.

Penyertaan AIP 2022

Pada tahun ini, sebanyak 16 kertas projek telah dinilai dan dipertandingkan. Penyertaan melibatkan sejumlah 107 peserta dari tujuh kementerian secara keseluruhan.

Penutup

AIP ini insyaAllah akan diadakan setiap tahun maka dengan itu Jabatan Perkhidmatan Pengurusan sangat mengalu-alukan lebih banyak penyertaan AIP daripada kementerian / jabatan, yang secara tidak langsung menggalakkan budaya inovasi dalam Perkhidmatan Awam. Maklumat lanjut mengenai AIP bolehlah diperoleh di Jabatan Perkhidmatan Pengurusan, Jabatan Perdana Menteri, Bangunan Bahirah, Jalan Menteri Besar atau di laman sesawang jabatan di alamat, www.msd.gov.bn. Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Jabatan Perkhidmatan Pengurusan menerusi talian +673 2382064 atau +673 2382065 atau +673 2382066.



| Kertas Projek | Peratus |
|--|---------|
| A. Pemilihan Projek <ul style="list-style-type: none"> i. Objektif yang jelas ii. Realistik iii. Rasional iv. Analisis masalah | 10% |
| B. Mekanisma Pelaksanaan <ul style="list-style-type: none"> i. Teknik-teknik atau kaedah-kaedah pengurusan yang digunakan ii. Inovasi | 25% |
| Kertas Projek | Peratus |
| C. Hasil dan Impak Projek <ul style="list-style-type: none"> i. Pencapaian objektif dan sasaran ii. Impak kepada pihak Pelanggan | 45% |
| D. Cabaran Dalam Melaksanakan Projek <ul style="list-style-type: none"> i. Kompleksiti | 10% |
| E. Rancangan Lanjut <ul style="list-style-type: none"> i. Pelan tindakan ii. Kemampuan / berdaya tahan | 10% |
| Jumlah Peratus Penilaian Keseluruhan | 100% |

THAILAND, AS KOMITED KUKUH KERJASAMA DALAM PELBAGAI ASPEK

BANGKOK, 20 Nov. - Thailand dan Amerika Syarikat (AS) komited mengukuhkan kerjasama dalam pelbagai aspek terutamanya membabitkan perdagangan, ekonomi dan keselamatan, serta iklim dan alam sekitar.

Perdana Menteri Thailand Prayuth Chan-o-cha dan Naib Presiden AS Kamala Harris mengadakan mesyuarat dua hala pada Sabtu selepas menghadiri Mesyuarat Pemimpin Ekonomi Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) dari 17 hingga 19 Nov di Thailand.

Kementerian Luar Thailand dalam satu kenyataan memaklumkan bahawa kedua-dua pihak berpuas hati terhadap kerjasama erat Thailand-AS yang terus menyaksikan peningkatan dinamik serta menekankan komitmen bagi meningkatkan kerjasama dalam pelbagai aspek, sama ada di peringkat dua hala maupun serantau.

Mengenai kerjasama ekonomi, Prayuth menjelaskan terdapat peningkatan perdagangan dua hala walaupun berdepan pandemik COVID-19 dan mencerminkan daya tahan rantaian bekalan.

"Kedua-dua pihak komited membangunkan lagi kerjasama rantaian bekalan berdasarkan Memorandum Thailand – AS mengenai Mempromosikan Ketahanan Rantaian Bekalan yang ditandatangani pada Julai 2022.

"Perdana Menteri (Prayuth) juga menekankan kesediaan untuk bekerjasama dengan AS bagi menggalakkan lagi kerjasama dalam pelaburan di Thailand

khususnya tenaga bersih, kenderaan elektrik (EV), elektronik pintar, industri digital dan industri hab perubatan," menurut kenyataan itu.

Mengenai kerjasama berkaitan iklim dan alam sekitar, agensi berkaitan sedang membangunkan program di bawah Inisiatif Dunia Sifar Bersih AS untuk menyokong peralihan Thailand kepada pelepasan tenaga sifar serta potensi untuk meningkatkan kerjasama pembinaan kapasiti tenaga bersih di bawah Infrastruktur Asas untuk Penggunaan Bertanggungjawab Teknologi Modular Kecil (FIRST).

Kenyataan itu memaklumkan Prayuth dan Harris turut membincangkan mengenai perkongsian kukuh keselamatan dan penguatkuasaan undang-undang dalam menangani cabaran keselamatan konvensional dan moden.

"Kedua-dua pihak menjalin kerjasama erat bagi meningkatkan pembinaan kapasiti dalam penguatkuasaan undang-undang dan mencegah jenayah transnasional termasuk memerangi penyeludupan narkotik, meningkatkan keupayaan rondaan marin, dan anti pengubahan wang haram.

Sementara itu, Prayuth juga menegaskan komitmen untuk bekerjasama di bawah Strategi Kerjasama Ekonomi Ayeyawady – Chao Phraya – Mekong (ACMECS) dan Mekong – Perkongsian AS, bagi kemakmuran rakyat di rantau ini.

"AS juga merancang untuk

menyediakan dana tambahan US\$20 juta untuk menggalakkan kerjasama pembangunan di sub-rantau Mekong melalui Perkongsian Kuasa Mekong Jepun-AS (JUMPP)," katanya.

Sementara itu, menurut kenyataan Rumah Putih, Harris menegaskan perkongsian berkekalan antara AS dan Thailand yang berteraskan nilai bersama dan membincangkan usaha mengukuhkan kerjasama merentasi pelbagai isu dua hala dan global.

Harris juga mengalau-alukan "model Bio-Circular Green Economy" Prayuth, dan dilihat sebagai usaha penting mempercepatkan tindakan menangani krisis iklim.

"Mereka membincangkan usaha bersama untuk meningkatkan kerjasama iklim, mengurangkan pelepasan, meningkatkan penyesuaian iklim dan daya tahan serta membuka peluang ekonomi yang berkaitan tenaga bersih dan tindakan iklim-termasuk bekerjasama dengan sektor swasta mengenai tenaga bersih dan teknologi nuklear," kata beliau.

Harris mengalau-alukan kepimpinan Thailand di subrantau Mekong, dan mengukuhkan komitmen A.S. untuk mempromosikan keamanan, kemakmuran dan pembangunan mampan dengan kerjasama negara-negara Mekong.

Semasa pertemuan itu, kedua-dua pemimpin turut membincangkan isu global termasuk pencerobohan Rusia ke

atas Ukraine dan pelanggaran Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Harris turut menyuarakan mengenai krisis yang semakin meruncing di Myanmar dan menekankan sokongan masyarakat antarabangsa

terhadap rakyat ketika mereka berusaha memulihkan demokrasi negara mereka.

Beliau mengutuk kekejaman berterusan dan pencabulan hak asasi manusia oleh junta.

"Timbalan Presiden menjelaskan bahawa Amerika Syarikat bersama-sama rakyat Myanmar," kata beliau. - ©BERNAMA



Menteri Pertahanan India hadiri Mesyuarat Menteri-menteri Pertahanan ASEAN

NEW DELHI, 20 Nov. - Menteri Pertahanan India Rajnath Singh akan menghadiri mesyuarat Menteri-menteri Pertahanan ASEAN-Plus (ADMM-Plus) di bandar Siem Reap, Kemboja.

Selain dijadual menyampaikan ucapan di forum ADMM-Plus semasa lawatannya pada 22 hingga 23 Nov, menteri itu juga akan mengambil bahagian dalam Mesyuarat Menteri Pertahanan India-ASEAN yang dipengerusikan bersama India dan Kemboja.

"Pelbagai inisiatif bagi meningkatkan perkongsian India-ASEAN akan diumumkan semasa mesyuarat itu," menurut kenyaan Kementerian Pertahanan Indi pada Ahad.

Menteri India itu juga akan mengadakan perbincangan dua hala dengan rakan sejawatannya dari negara-negara yang mengambil bahagian dalam forum serantau ASEAN.

Platform ADMM-Plus menghimpunkan negara-negara anggota ASEAN dan rakan dialognya termasuk Australia, China, India, Jepun, New Zealand, Korea Selatan, Rusia dan Amerika Syarikat bagi mengukuhkan kerjasama hal pertahanan dan keselamatan serantau. - ©BERNAMA

Elon Musk mulakan tinjauan kembalikan akaun Twitter Trump

WASHINGTON, 19 Nov. - Pemilik Twitter Elon Musk melancarkan tinjauan menerusi media sosial itu pada Jumaat sama ada bekas Presiden Donald Trump patut dibenarkan kembali ke platform itu.

"Kembalikan semula akaun bekas Presiden Trump," menurut ciapan Musk yang memperoleh lebih 4.4 juta reaksi ketika ia diterbitkan.

Lebih 55 peratus pengguna mengundi "ya" manakala 44 peratus memutuskan "tidak."

Beberapa jam sebelum itu, jutawan Amerika itu membayangkan beliau sedang mempertimbangkan untuk mengembalikan semula akaun Twitter Trump, lapor Agensi Anadolu.

"Keputusan mengenai (akaun) Trump masih belum dibuat," menurut ciapan Musk, ketika beliau mengumumkan tiga akaun berprofil tinggi yang diharamkan oleh gergasi media sosial itu sebelum ini dikembalikan semula.

Akaun Twitter milik Kathie Griffin, Jorden Peterson dan Babylon Bee telah dikembalikan semula, katanya.

Trump mempunyai kira-kira 88.8 juta pengikut sebelum Twitter menggantung akaun bekas presiden AS secara kekal pada Januari 2021, berikutan peranannya dalam rusuhan 6 Jan di Capitol AS dan berpotensi menggalakkan lebih banyak keganasan. - ©BERNAMA

Rakyat Kazakhstan mula mengundi pada pilihan raya presiden

ALMATY, 20 Nov. - Pusat mengundi bagi pilihan raya presiden di Kazakhstan telah dibuka di seluruh negara, lapor Sputnik memetik Setiausaha Suruhanjaya Pilihan Raya Pusat, Mukhtar Yerman.

"Menurut data terkini yang disediakan suruhanjaya serantau bandar Almaty, Shymkent dan Astana, pengundian bermula di semua 10,033 pusat mengundi di seluruh negara dan 17 pusat mengundi di pejabat perwakilan Kazakhstan di luar negara," Yerman berkata ketika sesi taklimat media pada pagi Ahad.

Sebanyak 51 lagi pusat mengundi di luar negara akan dibuka kerana mengambil kira perbezaan zon waktu.

Pusat mengundi telah dibuka di kebanyakan wilayah di Kazakhstan setakat 7 pagi waktu Astana (01:00 GMT).

Pengundian ditutup 8 malam hari yang sama.

Di wilayah barat, pusat mengundi akan ditutup sejam kemudian akibat perbezaan waktu.

Sebanyak enam calon bertanding merebut jawatan presiden termasuk penyandang presiden.

Pilihan raya itu merupakan pilihan raya kali pertama sejak 33 pindaan bagi Perlembagaan Kazakhstan diluluskan dalam referendum pada Mac.

Pindaan itu dibuat selepas protes besar-besaran pada Januari disebabkan kenaikan harga gas dua kali ganda berbanding sebelum ini. - ©BERNAMA

San Francisco tuan rumah APEC 2023

BANGKOK, 20 Nov. - San Francisco bakal menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik yang akan berlangsung pada 12 Nov 2023.

Perdana Menteri Thailand Prayuth Chan-o-cha menyerahkan kerusi presiden sidang kemuncak itu kepada Naib Presiden Amerika Syarikat (AS) Kamala Harris pada satu majlis di Bangkok pada Sabtu.

Prayuth turut menyampaikan "Chalom" iaitu bakul buluh tradisional Thailand menjadi logo APEC tahun ini yang melambangkan kekuatan, fleksibiliti dan konsistensi.

Sementara itu, Harris berkata AS akan mengadakan Mesyuarat Pemimpin APEC di San Francisco, California pada 12 Nov.

"Presiden Joe Biden dan saya mengalau-alukan kehadiran Pemimpin APEC ke San Francisco tahun depan dan akan menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan kemakmuran untuk rakyat Amerika dan di seluruh rantau Indo-Pasifik.

"Kami akan memperkenalkan komitmen ekonomi Amerika Syarikat kepada Indo-Pasifik.

"Amerika Syarikat ialah rakan

kongsi yang kukuh bagi sektor ekonomi dan syarikat Indo-Pasifik, dan kami sedang berusaha mengukuhkan hubungan di seluruh rantau ini termasuk meningkatkan aliran perdagangan dua hala dan aliran bebas modal yang menyokong berjuta-juta peluang pekerjaan," kata beliau.

Harris berkata Amerika Syarikat akan terus memberi tumpuan kepada pertumbuhan ekonomi yang mampan dan membina asas kukuh yang telah ditetapkan Thailand pada 2022.

"Kami akan bekerjasama dengan ekonomi APEC untuk memberi komitmen terhadap kemampaman dan penyahkarbonan baharu," kata beliau. - ©BERNAMA

Pilihan raya umum Nepal bermula

KATHMANDU, 20 Nov. - Rakyat Nepal keluar mengundi pagi Ahad untuk memilih anggota Dewan Perwakilan dan tujuh dewan wilayah, lapor Xinhua.

Pengundi dilihat berbaris di beberapa pusat mengundi seawal 7 pagi waktu tempatan ketika pusat pengundian dibuka.

Kira-kira 17.988 juta pengundi layak memilih 275 ahli dewan rakyat dan 550 ahli bagi tujuh dewan wilayah.

"Pengundian bermula dengan

aman di seluruh negara. Kami menjangkakan pengundian akan berjalan lancar sepanjang hari," kata timbalan jurucakap Suruhanjaya Pilihan Raya, Surya Aryal kepada Xinhua.

Nepal telah menerima pakai sistem pilihan raya bercampur menyaksikan 60 peratus wakil dewan perwakilan dan dewan wilayah dipilih melalui sistem pilihan raya manakala baki 40 peratus lagi diisi melalui sistem perwakilan bahagian.

Kongres Nepal dan Parti Komunis Nepal (Pusat Maois) daripada perikatan pemerintah telah membentuk pakatan lima parti bagi pilihan raya kali ini manakala Parti Komunis Nepal (Unified Marxist Leninist) selaku pembangkang terbesar juga telah bergabung dengan parti lain. Pemerhati dari beberapa negara turut memantau perjalanan pilihan raya dan pusat pengundian ditutup pada 5 petang waktu tempatan. - ©BERNAMA

KUMPULAN 023 JUARA PROGRAM CABARAN LARIAN SEJARAH BRUNEI 2021



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa menyaksikan pameran kereta lama (atas), sementara gambar kanan, antara yang menyertai Program Cabaran Larian Sejarah Brunei 2021 pada sesi senamrobik.

>> Muka 24

Dianjurkan buat kali kedua dengan kerjasama Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), program tersebut mendapat sambutan yang cukup menggalakkan daripada para peserta dan orang ramai pada tahun 2019, diteruskan lagi pada tahun 2021, namun disebabkan

pengawalan penularan COVID-19, program tersebut ditangguhkan ke tahun ini.

Antara objektif Cabaran Larian Sejarah Brunei 2021 diadakan ialah bagi menyokong dan mempromosikan Bandar Seri Begawan melalui pendidikan tentang persejarian monumen serta mercu tanda yang terdapat di negara ini, memandangkan ia mempunyai sejarah dan warisan



Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Azmah Haji Ahad

yang menarik serta unik untuk diperkenalkan.

Di samping itu, program tersebut juga dapat meningkatkan kesedaran, kefahaman dan penghayatan masyarakat, khususnya generasi muda dan belia terhadap kepentingan sejarah serta warisan budaya.

Tingkatkan keyakinan diri, motivasi



Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 19 November. - 'Fit & Active Lifestyle Club Season 1 (FALCS1)' adalah program penurunan berat badan untuk membantu para peserta mencapai berat badan yang sihat dan gaya hidup aktif.

Program anjuran Pusat Promosi Kesihatan (PPK), Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Pusat Perubatan Gleneagles Jerudong Park (JPMC) diadakan selama enam bulan, iaitu 24 minggu dan terbuka pada enam kementerian, terdiri daripada 40 hingga 45 peserta, bertujuan untuk mencapai 5 hingga 10 peratus penurunan berat badan keseluruhan dalam tempoh 12

minggu dan timbangan terakhir, pada minggu ke-24.

Sehubungan itu, Majlis Penutup dan Penyerahan Sijil Penyertaan, di bawah program FALCS1 bagi Kementerian Kesihatan, bagi kohort pertama, berlangsung di Dewan atau Teater Kuliah, Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (Football Association of Brunei Darussalam-FABD), di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyampaikan sijil kepada para peserta, Ahli Eksekutif Komiti FABD, Awang Haji Mohammad Noor bin Haji Hamid @ Damit yang juga menyampaikan hadiah kepada pemenang 'Best of the Best' bagi Kategori-kategori Lelaki

HADIR selaku tetamu kehormat dan menyampaikan sijil kepada para peserta, Ahli Eksekutif Komiti FABD, Awang Haji Mohammad Noor bin Haji Hamid @ Damit.

dan Perempuan.

Pada majlis itu diselajurkan dengan ucapan alu-aluan daripada Pengurus Program FALC dan tayangan video montaj serta video ucapan pemenang minggu ke-12 bagi Kategori-kategori Lelaki dan Perempuan.

Acara ini bertujuan untuk membina hubungan silaturahim di antara peserta, 'focal' dan ahli pasukan di dalam program tersebut, di samping untuk meningkatkan lagi keyakinan diri daripada peserta serta meningkatkan motivasi mereka untuk terus mengamalkan gaya hidup yang sihat.

Dalam masa yang sama, ia boleh meningkatkan semangat mereka dan mengukuhkan lagi dalam kerja berpasukan serta fokus dalam kalangan peserta.

Dengan adanya aktiviti atau program seperti ini, Kementerian Kesihatan berharap agar penjawat awam akan dapat membantu pihak PPK dan pihak yang berkepentingan, dalam sama-sama menangani isu-isu yang berkaitan dengan Penyakit-penyakit Tidak Berjangkit, seperti Obesiti, penyakit Jantung, Kanser dan sebagainya, dengan mempromosikan amalan gaya hidup yang sihat pada semua peringkat umur.

Kelab Inspire Karate johan keseluruhan Kejohanan Terbuka Rengokai Karate 2022



SALAH seorang peserta menerima pingat pada Majlis Penutup Rasmi Kejohanan Terbuka Rengokai Karate 2022, yang berlangsung di Dewan Pusat Belia, Bandar Seri Begawan.

Oleh : Marlinaawaty Hussin
Foto : Ihsan Ambient Production

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 20 November. - Kontinen karate dari Sabah, iaitu Kelab Inspire Karate muncul johan secara keseluruhan, pada Kejohanan Terbuka Rengokai Karate 2022, yang dianjurkan oleh Rengokai Karate Brunei Darussalam.

Kejohanan yang disokong oleh Persekutuan Karate Brunei Darussalam (BRUKAF) itu berlangsung di Dewan Pusat Belia, di sini.

Kelab Inspire Karate (Sabah) berjaya mengumpul sembilan pingat emas, 12 pingat perak dan tujuh gangsa.

Manakala, naib johan disandang oleh salah sebuah kelab, di bawah naungan BRUKAF, Shotokan Karate Brunei Darussalam dengan mengutip sembilan pingat emas, enam perak dan 10 gangsa.

Sementara itu, Rengokai Karate Brunei Darussalam memenangi tempat ketiga dengan membawa pulang empat pingat emas, dua perak dan 12 gangsa.

Penyampaian pingat kepada para pemenang disempurnakan oleh Timbalan Pengarah, Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Rosfadilah bin Haji Yusly, pada Majlis Penutup Rasmi kejohanan berkenaan.

Seramai 116 atlet menyertai kejohanan tersebut, terdiri daripada kontinen dari Negara Brunei Darussalam, Sabah dan Sarawak.

Ia berlangsung selama tiga hari, bermula pada 18 November lalu.

Objektif kejohanan tersebut adalah untuk menyediakan platform bagi para peserta yang akan menyertai kejohanan, sama ada di dalam maupun luar negara pada masa akan datang, di samping untuk mengeratkan silaturahim dalam kalangan peserta dari Negara Brunei Darussalam dan negara lain.

Kategori-kategori yang dipertandingkan ialah Kategori Kanak-Kanak 7 hingga 8 Tahun; Kategori Kanak-Kanak 9 hingga 10 Tahun; Kategori Kanak-Kanak 11 hingga 13 Tahun; Kategori Kadet 14 hingga 15 Tahun, Kategori Junior 16 hingga 17 Tahun; dan Kategori Under-21 18 hingga 21 Tahun.

